

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

1. Nyatakan jumlah murid miskin yang menerima bantuan persekolahan atau sumbangan khas melalui program Kerajaan Negeri atau agensi, serta bentuk bantuan yang disalurkan sepanjang tahun 2024 dan 2025 mengikut kawasan DUN.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Antara bantuan persekolahan atau sumbangan khas melalui program Kerajaan Negeri dan agensinya yang disalurkan kepada murid dalam kalangan berkemampuan dan B40 adalah seperti berikut:-

- (i) Skim Awal Persekolahan dan Skim Pakaian Seragam Sekolah oleh Zakat Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP):

Jumlah penerima bantuan persekolahan iaitu bagi tahun 2024 seramai 21,702 orang manakala bagi tahun 2025 seramai 20,344 orang. Perinciannya mengikut Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) seperti di **LAMPIRAN A**.

- (ii) Biasiswa Kecil Negeri Pulau Pinang:  
Jumlah murid B40 yang menerima Bantuan Biasiswa Kecil Negeri (BKN) bagi tahun 2024 seramai 4,191 orang

manakala bagi tahun 2025 seramai 3,875 orang.  
Perinciannya seperti di **LAMPIRAN B**.

LAMPIRAN A

TAHUN 2024					
KOD	DUN	SKIM AWAL PERSEKOLAHAN		SKIM PAKAIAN SERAGAM	
		BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)
N01	PENAGA	226	175,100.00	887	133,050.00
N02	BERTAM	116	85,950.00	733	109,950.00
N03	PINANG TUNGGAL	239	184,150.00	1157	173,550.00
N04	PERMATANG BERANGAN	239	179,750.00	696	104,400.00
N05	SUNGAI DUA	189	142,400.00	594	89,100.00
N06	TELOK AYER TAWAR	130	95,650.00	643	96,450.00
N07	SUNGAI PUYU	32	24,200.00	188	28,200.00
N08	BAGAN JERMAL	77	55,600.00	409	61,350.00
N09	BAGAN DALAM	43	31,500.00	464	69,600.00
N10	SEBERANG JAYA	278	205,150.00	673	100,950.00
N11	PERMATANG PASIR	207	154,750.00	387	58,050.00
N12	PENANTI	196	149,750.00	701	105,150.00
N13	BERAPIT	12	9,000.00	125	18,750.00
N14	MACHANG BUBOK	254	191,150.00	969	145,350.00
N15	PADANG LALANG	53	41,950.00	315	47,250.00
N16	PERAI	17	11,150.00	193	28,950.00
N17	BUKIT TENGAH	115	84,650.00	448	67,200.00
N18	BUKIT TAMBUN	56	40,700.00	368	55,200.00
N19	JAWI	105	84,000.00	517	77,550.00
N20	SUNGAI BAKAP	200	158,500.00	900	135,000.00
N21	SUNGAI ACHEH	95	70,250.00	493	73,950.00
N22	TANJONG BUNGA	39	27,250.00	418	62,700.00

TAHUN 2024					
KOD	DUN	SKIM AWAL PERSEKOLAHAN		SKIM PAKAIAN SERAGAM	
		BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)
N23	AIR PUTIH	37	25,350.00	14	2,100.00
N24	KEBUN BUNGA	1	800.00	98	14,700.00
N25	PULAU TIKUS	9	7,900.00	442	66,300.00
N26	PADANG KOTA	5	3,550.00	266	39,900.00
N27	PENKALAN KOTA	2	1,350.00	40	6,000.00
N28	KOMTAR	17	14,250.00	185	27,750.00
N29	DATOK KERAMAT	44	33,750.00	104	15,600.00
N30	SUNGAI PINANG	76	60,650.00	271	40,650.00
N31	BATU LANCANG	4	2,450.00	213	31,950.00
N32	SERI DELIMA	33	26,200.00	184	27,600.00
N33	AIR ITAM	43	31,500.00	377	56,550.00
N34	PAYA TERUBONG	5	4,900.00	44	6,600.00
N35	BATU UBAN	50	38,050.00	274	41,100.00
N37	BATU MAUNG	99	82,450.00	496	74,400.00
N36	PANTAI JEREJAK	40	30,550.00	393	58,950.00
N38	BAYAN LEPAS	183	140,500.00	892	133,800.00
N39	PULAU BETONG	109	79,650.00	849	127,350.00
N40	TELOK BAHANG	112	85,400.00	495	74,250.00
<b>JUMLAH</b>		<b>3,787</b>	<b>2,871,800.00</b>	<b>17,915</b>	<b>2,687,250.00</b>

TAHUN 2025					
KOD	DUN	SKIM AWAL PERSEKOLAHAN		SKIM PAKAIAN SERAGAM	
		BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)
N01	PENAGA	259	195,100.00	745	119,429.71
N02	BERTAM	118	92,500.00	837	136,901.95
N03	PINANG TUNGGAL	274	207,750.00	1291	197,159.88
N04	PERMATANG BERANGAN	266	200,800.00	651	106,372.25
N05	SUNGAI DUA	197	146,000.00	453	76,713.30
N06	TELOK AYER TAWAR	111	82,250.00	497	82,514.84
N07	SUNGAI PUYU	21	17,350.00	96	14,299.55
N08	BAGAN JERMAL	90	65,700.00	299	52,955.80
N09	BAGAN DALAM	45	33,850.00	278	45,618.65
N10	SEBERANG JAYA	264	198,050.00	903	146,298.25
N11	PERMATANG PASIR	208	159,000.00	521	85,903.55
N12	PENANTI	204	158,400.00	816	140,094.10
N13	BERAPIT	11	8,600.00	159	23,720.90
N14	MACHANG BUBOK	245	184,200.00	810	141,110.45
N15	PADANG LALANG	56	40,050.00	244	37,927.45
N16	PERAI	19	13,250.00	160	29,119.90
N17	BUKIT TENGAH	130	95,650.00	304	48,613.90
N18	BUKIT TAMBUN	71	53,300.00	398	68,063.80
N19	JAWI	115	88,900.00	499	82,893.65
N20	SUNGAI BAKAP	208	160,900.00	896	143,089.25
N21	SUNGAI ACHEH	113	82,950.00	687	99,589.90
N22	TANJONG BUNGA	34	22,600.00	240	43,835.45

TAHUN 2025					
KOD	DUN	SKIM AWAL PERSEKOLAHAN		SKIM PAKAIAN SERAGAM	
		BIL	JUMLAH (RM)	BIL	JUMLAH (RM)
N23	AIR PUTIH	38	27,600.00	-	-
N24	KEBUN BUNGA	1	850.00	79	16,324.90
N25	PULAU TIKUS	7	6,300.00	465	76,998.30
N26	PADANG KOTA	4	2,750.00	256	44,677.95
N27	PENKALAN KOTA	3	1,900.00	-	-
N28	KOMTAR	20	15,650.00	65	12,835.90
N29	DATOK KERAMAT	41	31,350.00	245	42,593.10
N30	SUNGAI PINANG	79	65,250.00	84	15,217.45
N31	BATU LANCANG	2	1,400.00	258	44,771.30
N32	SERI DELIMA	37	28,200.00	123	17,248.50
N33	AIR ITAM	31	24,650.00	336	60,321.10
N34	PAYA TERUBONG	3	2,150.00	73	12,042.30
N35	BATU UBAN	51	41,200.00	285	47,390.95
N37	BATU MAUNG	104	84,650.00	316	49,339.05
N36	PANTAI JEREJAK	37	28,600.00	398	70,301.70
N38	BAYAN LEPAS	204	159,800.00	635	105,210.75
N39	PULAU BETONG	96	72,300.00	733	122,341.35
N40	TELOK BAHANG	113	88,550.00	279	50,087.30
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>3,930</b>	<b>2,990,300.00</b>	<b>16,414</b>	<b>2,709,928.38</b>

**LAMPIRAN B****STATISTIK PENERIMA BIASISWA KECIL NEGERI (BKN)**

<b>BIL.</b>	<b>DAERAH</b>	<b>TAHUN 2024</b>		<b>TAHUN 2025</b>	
		<b>BIL.</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>	<b>BIL.</b>	<b>JUMLAH (RM)</b>
1.	Barat Daya	453	344,040.00	396	295,680.00
2.	Timur Laut	824	616,320.00	745	544,440.00
3.	Seberang Perai Utara	1,096	798,960.00	1,158	837,600.00
4.	Seberang Perai Tengah	1,030	774,720.00	812	610,560.00
5.	Seberang Perai Selatan	788	584,640.00	763	561,720.00
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>		<b>4,191</b>	<b>3,118,920.00</b>	<b>3,875</b>	<b>2,850,000.00</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

2. Nyatakan langkah-langkah strategik yang telah dan akan diambil oleh pihak Kerajaan Negeri bagi menangani kes-kes buli serta masalah sosial dalam kalangan murid sekolah di negeri ini.
  - (a) Nyatakan jumlah kes buli dan masalah sosial yang telah dilaporkan bagi tempoh tiga tahun kebelakangan ini mengikut kategori sekolah dan DUN.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

2. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) memandang serius isu salah laku buli dan masalah sosial dalam kalangan murid di sekolah-sekolah di bawah seliaan JPNPP. Sejalan dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan persekitaran pembelajaran yang selamat, beradab dan bebas buli, pelbagai langkah strategik telah dan sedang dilaksanakan secara bersepadu oleh KPM, JPN Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan pihak sekolah.

Langkah-Langkah Strategik Pencegahan dan Intervensi seperti berikut:

- (i) Pelaksanaan Garis Panduan SPI Bil. 12 Tahun 2023.
  - (1) JPNPP memastikan semua sekolah mematuhi Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bil. 12 Tahun 2023:

Pelaksanaan Garis Panduan Pengurusan Salah Laku Buli di Institusi Pendidikan. Antara tindakan utama seperti berikut:

- (a) Siasatan kes dijalankan oleh guru penyiasat yang dilantik;
  - (b) Semua laporan direkodkan dalam sistem IDMe/ Sistem Salsiah Diri Murid (SSDM); dan
  - (c) Kes yang mempunyai unsur jenayah dirujuk kepada Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk siasatan lanjut.
- (ii) Program Pencegahan Buli dan Kesedaran Sahsiah.
- (1) Pelbagai program pencegahan dan pendidikan nilai dilaksanakan sepanjang tahun dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Majlis Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF), Penang Women's Development Corporation (PWDC), Non Governmental Organisation (NGO) dan pelbagai agensi berkaitan, antaranya:
    - (a) Program "Gerakan Kepimpinan Madani: Hentikan Salah Laku Buli dan Seksual Polis Diraja Malaysia Tahun 2024". Dilaksanakan pada 15 Disember 2024 hingga 13 Januari 2025, melibatkan 396 buah sekolah seluruh negeri Pulau Pinang. Turut disertai oleh pengurusan tertinggi JPNPP, PPD dan sekolah;
    - (b) Kempen "Kami Benci Buli" dilaksanakan secara berkala semasa perhimpunan pagi dan aktiviti murid sepanjang tahun;
    - (c) Program *Town Hall Discussion* Kontinjen Pulau Pinang – Benci Buli: Cegah dan Lawan. Diadakan pada 25 September 2025 di Dewan Sri Pinang;

- (d) Program Town Hall Tribunal Anti Buli: #Generasi Tanpa Buli anjuran bersama Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri dan JPN Pulau Pinang, diadakan pada 25 September 2025 di Dewan SJKC Aik Hua;
  - (e) Kempen Pencegahan Buli sempena Penang2030 Festival@KOMTAR 2025 diadakan pada 11 Oktober 2025, menekankan mesej “Sekolah Selamat, Murid Sejahtera”; dan
  - (f) Pemasangan bahan kempen anti-buli dalam bentuk kain rentang, banting dan poster pencegahan buli dipasang di semua sekolah seluruh negeri.
- (iii) **Pemeriksaan Program Duta Sahsiah dan Kit Duta Sahsiah.**
- (1) Dilancarkan pada 25 November 2024 di semua 396 buah sekolah di Pulau Pinang, dengan pelancaran peringkat negeri di SMK Seri Balik Pulau (Daerah Barat Daya); dan
  - (2) Murid dilatih sebagai Duta Sahsiah untuk menjadi agen perubahan, mempromosikan tingkah laku positif dan menentang budaya buli di sekolah.
- (iv) **Program Intervensi dan Pemantauan Asrama.**
- (1) Program Terjah Asrama dilaksanakan oleh JPNPP, PPD dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi memastikan suasana asrama selamat dan terkawal;
  - (2) Pemeriksaan mengejut (*spot check*) dilakukan bagi menilai aspek keselamatan, disiplin, kebajikan dan pematuhan SOP;
  - (3) Pemasangan CCTV sedang diperluas ke semua asrama bagi pemantauan berterusan; dan

- (4) Majlis Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) juga dalam proses membantu pemasangan CCTV di beberapa sekolah asrama di Pulau Pinang.
- (v) Penggunaan Data Sahsia untuk Pemantauan dan Intervensi Awal.
  - (1) SSDM/ Pengurusan Sahsia dalam Sistem IDMe/ Sistem Bersepadu KPM (MOEIS) digunakan bukan sekadar merekod salah laku tetapi untuk:
    - (a) Memantau perkembangan sahsiah murid secara berterusan;
    - (b) Mengenal pasti murid berisiko bagi intervensi awal oleh guru bimbingan dan kaunseling;
    - (c) Memberi pengiktirafan kepada murid berakhlak baik; dan
    - (d) Menyediakan data rasmi untuk perancangan dasar dan intervensi JPN/KPM.
- (vi) Kolaborasi Antara Agensi dan Komuniti.
  - (1) Lawatan Asrama bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), dan warden;
  - (2) Program "Kit 5 Minit Bersama GBK" dilaksanakan secara mingguan bagi membentuk sahsiah dan kesejahteraan emosi murid; dan
  - (3) Pembudayaan Sahsia Terpuji dilaksanakan di peringkat sekolah melalui Sektor Pembangunan Murid JPNPP.

Kerajaan Negeri melalui JPN Pulau Pinang komited untuk terus memperkukuh strategi pencegahan buli melalui pendekatan pendidikan nilai, intervensi awal dan kolaborasi pelbagai agensi. Fokus utama ialah memastikan setiap murid berada dalam persekitaran sekolah yang selamat,

harmoni dan bebas daripada sebarang bentuk buli atau salah laku sosial.

- (a) Statistik Kes Buli dan Masalah Sosial (2024– September 2025) berdasarkan laporan rasmi melalui SSDM/Sistem Pengurusan Sahsiah Dalam IDMe (MOEIS) adalah seperti berikut:

TAHUN DATA BULI	BIL KES
2023	289 kes
2024	709 kes
2025 (September)	313 kes

Nota: Data ini merupakan jumlah keseluruhan laporan kes bagi sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang. Tiada pecahan mengikut kategori sekolah atau DUN direkodkan dalam sistem IDMe.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

3. Apakah strategi pelaksanaan, latihan dan pembangunan atlet yang telah dikenal pasti bagi mencapai sasaran 60 pingat emas dalam temasya SUKMA XXII Selangor 2026?
- (a) Nyatakan acara-acara sukan yang disasarkan menyumbang pingat emas tersebut serta justifikasi dan prestasi semasa pasukan SUKMA negeri.

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) sentiasa komited bagi memastikan program latihan menuju kejohanan SUKMA Selangor 2026 diberi perhatian penuh. Kejayaan atlet dan negeri ini memerlukan sokongan menyeluruh daripada semua pihak. Sehubungan itu, beberapa strategi dan inisiatif telah dirangka dan dilaksanakan oleh MSNPP, antaranya adalah:
- (i) Penekanan diberikan kepada Pembangunan Kejurulatihan yang berkualiti melalui latihan berterusan dan pendedahan kepada latihan antarabangsa, integrasi sains sukan seperti kecergasan fizikal, pemakanan, psikologi, biomekanik dan fisioterapi;
- (ii) Pemantauan prestasi atlet dilaksanakan menggunakan teknologi moden seperti *Global Positioning System* (GPS) dan analisis video, manakala perancangan latihan tahunan yang tersusun mengikut kalendar pertandingan tahunan;

- (iii) Menerapkan sains ke dalam sukan dan pengurusan kecederaan melalui pemeriksaan berkala dan sokongan fisioterapi;
  - (iv) Pendedahan kepada atlet untuk sukan-sukan yang disertai;
  - (v) Sokongan akademik disediakan bagi memastikan keseimbangan atlet dalam bidang sukan dan pendidikan; dan
  - (vi) Penilaian prestasi atlet dijalankan secara berkala berdasarkan *key performance indicator* (KPI) yang boleh diukur seperti kekuatan, ketepatan kemahiran dan pencapaian sasaran pingat.
- (a) Pulau Pinang akan menyertai kesemua 37 jenis sukan yang dipertandingkan dalam kejohanan Sukan SUKMA Selangor 2026. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri mensasarkan kesemua sukan yang disertai menyumbang sekurang-kurangnya satu (1) pingat emas bagi Negeri Pulau Pinang.

Bagi acara individu yang mempunyai banyak kategori pertandingan, sasaran ditetapkan agar mereka menyumbang lebih daripada satu pingat emas bagi memastikan kontinjen Pulau Pinang berada dalam kelompok tiga negeri terbaik keseluruhan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

4. Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam membantu mengurangkan beban tugas guru, sokongan psikososial kepada guru serta usaha bagi meningkatkan kesejahteraan serta motivasi warga pendidik dalam menghadapi cabaran sistem pendidikan masa kini?

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Kerajaan Negeri melalui Sektor Psikologi dan Kaunseling (SPsK) Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) memainkan peranan penting di peringkat negeri dalam memperkukuh kesejahteraan psikologi warga pendidikan, khususnya guru sebagai tunjang utama sistem pendidikan negara melalui pelaksanaan pelbagai program dan inisiatif berfokus. SPsK juga komited memastikan guru berada dalam keadaan sejahtera, berdaya tahan serta memiliki keseimbangan emosi dan mental yang optimum bagi menyokong keberkesanan tugas dan profesionalisme keguruan.

Antara Sokongan Psikososial dan Usaha meningkatkan Motivasi serta Kesejahteraan Guru adalah seperti:

- (i) Program #3A "Aware, Alert, Action":  
Merupakan program kesedaran kesejahteraan psikologi warga KPM termasuk guru, yang memberi pendedahan tentang pengurusan emosi, kesejahteraan psikologi dan teknik-kemahiran psikologi positif. Program ini termasuk sesi ceramah, psikopedagogi, ujian psikologi seperti

*Depression, Anxiety, and Stress Scale (DASS)* dan Inventori Kesejahteraan Kendiri. Perkongsian bahan psikopendidikan ini dilakukan pada setiap bulan dengan topik-topik yang berbeza dari SPsK kepada Pengetua dan Guru Besar untuk dikongsikan kepada warga sekolah.

(ii) “3P” (Pencegahan, Pemulihan & Pembangunan): Program 3P adalah intervensi dalam konteks perkhidmatan psikologi dan kaunseling kepada guru dalam membina kesejahteraan diri:

- (1) Pencegahan (*Prevention*): Aktiviti yang bertujuan mengenal pasti dan menangani faktor risiko lebih awal sebelum masalah menjadi besar;
- (2) Pemulihan (*Recovery/Intervention*): Aktiviti intervensi bagi individu yang telah mengalami isu psikologi/emosi atau kaunseling; dan
- (3) Pembangunan (*Development/Growth*): Aktiviti yang memperkasa dan membangunkan kapasiti guru dalam aspek kesejahteraan, kemahiran hidup, daya tahan mental, dan pengurusan diri.

(iii) Hub Kesejahteraan Dan Literasi Kesejahteraan Psikologi (e-Pembelajaran):

- (1) Hub Kesejahteraan Psikologi -Portal ini dibangunkan oleh KPM sebagai *one-stop centre* (pusat sehenti) untuk warga guru mendapatkan maklumat, panduan dan pembelajaran sendiri berkaitan kesejahteraan psikologi dan telah dipautkan dalam aplikasi *Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa)* dapat diakses secara dalam talian untuk maklumat dan sokongan kesejahteraan; dan
- (2) Literasi Kesejahteraan Psikologi (e-Pembelajaran) iaitu modul atas talian melalui Hub Kesejahteraan Psikologi Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam DELIMa yang mengandungi video, infografik dan e-modul seperti:
  - (a) Minda Sejahtera;

- (b) Teknik *Grounding*;
  - (c) Pengurusan Emosi Positif; dan
  - (d) Sokongan Sosial di Tempat Kerja.
- (iv) Program Kesejahteraan Psikologi dan Kaunseling Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) Inisiatif #111 yang dijalankan oleh Kementerian Pendidikan:

Program ini khusus memberi fokus kepada kesejahteraan psikologi guru/pegawai pendidikan sebagai salah satu teras kebajikan guru dan warga pendidik. Memfokuskan tahap kesejahteraan psikologi warga PPP melalui instrumen khusus iaitu Inventori Kesejahteraan Psikologi (IKPsi)

- (v) Latihan Kompetensi Kaunselor Pendidikan & Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK):

SPsK turut menyediakan ruang dan peluang kepada kaunselor pendidikan dan guru bimbingan dan kaunseling untuk menghadiri latihan dan kolokium peringkat BPsK, KPM sebagai persediaan ilmu dan kemahiran dalam menangani isu psikososial di organisasi.

- (vi) Seminar kepada guru-guru kaunseling di Pulau Pinang anjuran Kolej Islam Teknologi Antarabangsa (KITAB) pada 17 Julai 2025.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

5. Hanya 144 orang pesawah atau 2.88% daripada 5,057 pesawah Pulau Pinang berumur bawah 40 tahun. Sehubungan itu, apakah usaha-usaha yang boleh dilakukan oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan penyertaan lebih ramai orang muda dalam kegiatan penanaman padi?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan penyertaan lebih ramai orang muda dalam kegiatan penanaman padi termasuk sokongan kewangan, penggunaan teknologi moden, latihan kemahiran dan pembangunan imej positif terhadap kerjaya pesawah.

Usaha strategik yang sedang dirancang bagi tujuan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Menyediakan insentif khas kepada pesawah muda;

Program Pembangunan Petani Pelapis memberi bantuan berbentuk insentif pemula kepada petani sebelum petani muda mendapat dana yang lebih besar. Insentif yang dinyatakan termasuk input peralatan, input pertanian pintar, mekanisasi kecil dan infrastruktur ladang.

Selain itu, terdapat juga Pembangunan Kelompok Tani yang mengutamakan geran kepada kelompok tani di

peringkat kawasan yang akan menyediakan insentif bagi kumpulan petani yang ingin menaik taraf kelompok kepada koperasi.

- (ii) Mewujudkan program latihan dan *mentor-mentee* pesawah muda;

Program *Farmers Field School* (FFS) merupakan salah satu pendekatan pengembangan pertanian yang dilaksanakan dengan kerjasama DOA Negeri Pulau Pinang dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Negeri Pulau Pinang bagi membangunkan kapasiti pesawah muda melalui proses pembelajaran secara praktikal di lapangan. Kaedah ini memberi peluang kepada peserta untuk terlibat secara aktif dalam pembelajaran di ladang melalui pemerhatian, analisis dan perbincangan bersama fasilitator sepanjang satu musim penanaman padi. Pendekatan ini menekankan pembelajaran berasaskan pengalaman sebenar, pembangunan kemahiran membuat keputusan teknikal serta pengurusan ladang secara sendiri di samping menggalakkan perkongsian pengalaman pesawah.

Program ini dijalankan di Bumbung Lima, Kepala Batas dengan penyertaan golongan pesawah muda. Jadual pelaksanaan disusun berpandukan panduan *Rice Check* yang disyorkan oleh DOA, manakala sesi latihan diadakan sekali seminggu sepanjang satu musim tanaman. Sepanjang tempoh pelaksanaan, peserta menjalani sesi latihan di ladang dan ladang demonstrasi untuk mempelajari aspek utama penanaman padi seperti semaian, pengurusan perosak dan penyakit, pengairan, pembajaan, hasil, kos pengeluaran serta amalan teknik penanaman yang disyorkan. Fasilitator daripada DOA akan bertindak sebagai pembimbing dengan menggunakan pendekatan keadaan sebenar ladang kepada peserta. Program ini telah membantu meningkatkan pengetahuan agronomi dan kecekapan pengurusan ladang dalam kalangan pesawah muda yang terlibat.

Program FFS ini dilaksanakan pada setiap tahun bagi menggalakkan penyertaan pesawah belia di kawasan ini selain memastikan amalan penanaman padi dijalankan

mengikuti panduan *Rice Check*. Inisiatif ini diharap dapat melahirkan generasi pesawah muda yang lebih berkemahiran, berdaya saing dan berpengetahuan dalam pengurusan tanaman padi yang mampan.

- (iii) Menggalakkan penggunaan teknologi pertanian pintar seperti dron dan sistem automasi;

Melalui DOA Negeri Pulau Pinang, insentif mekanisasi turut disediakan kepada kelompok tani padi yang telah dinaik taraf kepada koperasi dan melalui ahli koperasi yang akan memberi perkhidmatan penyelenggaraan sawah padi. Penglibatan golongan belia dalam kalangan ahli adalah amat penting bagi melaksanakan perkhidmatan pertanian yang menggunakan teknologi mekanisasi moden seperti pengendalian dron dan jentera penuaian padi.

Sejak tahun 2019 sehingga kini, sebanyak enam (6) jentera dan lima (5) dron pertanian telah diberikan kepada koperasi padi yang aktif. Kumpulan petani belia juga turut dilatih bagi menjalankan operasi keseluruhan mekanisasi yang disediakan.

- (iv) Menambah baik infrastruktur pertanian dan akses kepada tanah;

Infrastruktur yang ditambah baik akan mempengaruhi hasil padi. Selain itu, infrastruktur saluran yang baik juga akan dapat membantu dalam menyelesaikan isu seperti tanah jerlus dan juga perosak seperti keladi agas. Oleh yang demikian, penambahbaikan infrastruktur akan menjadikan lot-lot tanaman padi sedia ada berada dalam keadaan yang baik dan bersedia untuk diusahakan oleh kumpulan petani belia.

- (v) Promosi dan pembangunan imej positif kerjaya pesawah; dan

Kempen kesedaran perlu dilaksanakan melalui saluran media dan program komuniti untuk menonjolkan potensi pendapatan serta kepentingan strategik kerjaya pesawah terhadap sekuriti makanan negara. Usaha ini penting untuk

mengubah persepsi masyarakat khususnya golongan muda agar melihat kerjaya pesawah sebagai satu bidang yang berdaya maju dan berpotensi tinggi dari segi ekonomi. Selain itu, platform jaringan usahawan tani muda juga wajar diwujudkan bagi menggalakkan perkongsian ilmu, pengalaman dan inovasi dalam kalangan pesawah muda ke arah pembangunan komuniti tani yang lebih progresif.

- (vi) Kerjasama strategik dengan agensi dan institusi pendidikan.

Kerajaan Negeri melalui DOA Negeri Pulau Pinang memperkukuh kerjasama strategik dengan pelbagai jabatan/agensi berkaitan, institusi pengajian tinggi serta pihak industri dalam usaha melahirkan tenaga muda yang berpengetahuan, berkemahiran dan mampu mengadaptasi teknologi moden dalam penanaman padi.

Melalui inisiatif ini, modul latihan di institut-institut pertanian dapat diperkasakan dengan komponen teknologi baharu, penyelidikan terapan dan amalan agronomi moden. Usaha ini bukan sahaja memperkukuh ekosistem latihan dan inovasi, malah menyokong agenda pemodenan serta kelestarian industri padi negeri ke arah peningkatan daya saing golongan pesawah muda.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

6. Purata hasil padi bagi tahun 2024 hanya 4.86 tan per hektar. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan pengurangan ini?
- (a) Apakah strategi dan pelan tindakan yang disusun supaya purata hasil padi ini meningkat semula pada musim-musim akan datang?

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Punca utama penurunan dalam pengeluaran hasil tanaman padi di Negeri Pulau Pinang pada tahun 2024 adalah disebabkan oleh merebaknya rumpai keladi agas (*Monochoria vaginalis*). Rumpai ini tergolong dalam kumpulan rumpai daun lebar akuatik yang sering ditemui di kawasan sawah padi. Keladi agas membiak dengan cepat melalui biji benih dan rizom serta bersaing dengan tanaman padi untuk mendapatkan nutrien, cahaya matahari dan air. Keadaan ini menyebabkan pertumbuhan pokok padi terbantut, hasil tuaian berkurangan dan mutu beras menurun. Selain itu, rumpai yang tumbuh padat turut menyukarkan kerja-kerja penyelenggaraan sawah serta meningkatkan kos kawalan ladang. Rumpai ini juga berpotensi merebak ke kawasan berhampiran sekiranya tidak dikawal dengan segera seterusnya dapat menjejaskan keseluruhan produktiviti kawasan jelapang.

Selain keladi agas yang merebak, terdapat beberapa faktor lain turut menyumbang kepada penurunan hasil padi di negeri ini. Kemerebakan perosak dan penyakit terutamanya oleh bena perang, ulat pengorek batang dan tikus sawah merupakan faktor

yang menyebabkan kerosakan serius terhadap tanaman. Penyakit seperti hawar daun bakteria (BLB), reput tangkai (sheath rot) dan *blast* turut menjejaskan hasil padi sekiranya kawalan tidak dijalankan dengan berkesan dan mengikut jadual. Serangan perosak dan penyakit ini biasanya berlaku apabila kawalan kimia dilakukan secara tidak menyeluruh atau melebihi kadar yang disyorkan sehingga mengganggu keseimbangan ekosistem sawah.

Faktor lain yang turut memberi kesan besar ialah masalah pengairan dan saliran. Sebahagian kawasan sawah khususnya yang terletak di hujung sistem tali air, mengalami kekurangan bekalan air pada musim kemarau, manakala kawasan rendah pula sering mengalami takungan air yang berlebihan akibat sistem saliran yang tidak berfungsi dengan baik. Keadaan paras air yang tidak sekata ini menyebabkan pertumbuhan padi tidak seragam dan akhirnya membawa kesan penurunan kepada hasil keseluruhan.

Selain itu, penggunaan benih tidak sah atau benih lama turut menjadi punca hasil rendah. Terdapat pesawah yang masih menggunakan benih simpanan sendiri yang mempunyai kadar percambahan rendah dan kurang daya tahan terhadap penyakit. Penggunaan benih sah dan berkualiti tinggi amat penting bagi memastikan pertumbuhan yang seragam, cepat serta tahan terhadap serangan perosak dan penyakit, seterusnya menjamin hasil yang optimum.

Pengurusan ladang yang kurang efisien juga menyumbang kepada penurunan hasil. Amalan agronomi yang tidak mengikut garis panduan seperti jarak tanaman yang tidak seragam, penggunaan baja yang tidak seimbang serta kawalan rumpai dan perosak yang tidak berjadual menyebabkan tanaman tidak mencapai potensi hasil sebenar. Penggunaan racun tidak mengikut kadar yang disyorkan pula boleh menjejaskan kesuburan tanah serta meningkatkan rintangan rumpai dan perosak dalam jangka masa panjang.

Dalam masa yang sama, peningkatan kos input pertanian seperti baja, racun dan upah buruh turut memberi kesan terhadap produktiviti sawah. Kos pengeluaran yang semakin meningkat menyebabkan sesetengah petani mengurangkan kadar input,

manakala harga padi semasa yang tidak seimbang dengan kos pengeluaran mengurangkan minat dan motivasi pesawah untuk mengusahakan sawah secara intensif. Situasi ini akhirnya menyebabkan hasil padi per hektar tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

Tambahan pula, terdapat kawasan sawah yang tidak diusahakan atau dibiarkan terbiar akibat faktor usia pesawah yang semakin lanjut, warisan tanah yang tidak dibahagi, atau pulangan yang tidak menggalakkan. Kawasan sawah terbiar ini seterusnya menjadi tempat pembiakan rumpai dan perosak, sekali gus menjejaskan kawasan sawah aktif bersebelahan. Masalah ini turut menyukarkan usaha penyelarasan penanaman dan kawalan perosak secara bersepadu.

Akhir sekali, faktor cuaca dan perubahan iklim turut memainkan peranan penting dalam penurunan hasil padi. Taburan hujan yang tidak menentu, musim kemarau panjang, banjir kilat dan suhu tinggi semasa tempoh pembungaan boleh menyebabkan padi menjadi hampa atau tidak berisi. Keadaan ini semakin ketara dalam beberapa tahun kebelakangan ini akibat perubahan iklim global yang menjejaskan kestabilan sistem pengairan dan jadual penanaman.

Secara keseluruhannya, penurunan hasil padi di Negeri Pulau Pinang berpunca daripada gabungan faktor biotik seperti kemerebakan rumpai, perosak dan penyakit serta faktor abiotik seperti pengairan, benih, pengurusan ladang dan cuaca. Oleh itu, pelaksanaan tindakan kawalan bersepadu, peningkatan penggunaan teknologi moden serta pematuhan amalan agronomi baik amat penting bagi memastikan pengeluaran padi negeri ini dapat ditingkatkan secara mampan dan berterusan.

- (a) Bagi memastikan pengeluaran hasil padi di Negeri Pulau Pinang dapat ditingkatkan secara mampan, pelbagai langkah strategik telah dan sedang dilaksanakan oleh Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang melalui pendekatan bersepadu yang merangkumi kawalan rumpai, peningkatan amalan agronomi, penyelenggaraan pengairan serta sokongan teknikal kepada pesawah.

Salah satu usaha utama Kerajaan Negeri melalui DOA Negeri Pulau Pinang adalah pembendungan dan kawalan rumpai keladi agas *Monochoria vaginalis* yang dikenal pasti sebagai punca utama penurunan hasil padi. Bagi menangani isu ini, satu pasukan *Task Force* khas telah ditubuhkan pada Mei 2023 untuk menyelaras tindakan pembasmian, kawalan serta pemulihan kawasan sawah yang terjejas. Pada tahun 2023, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan melalui Program Pembangunan Tanaman Padi telah memperuntukkan sebanyak RM900,000.00, manakala pada musim kedua 2023, tambahan sebanyak RM400,000.00 telah disalurkan khusus bagi perolehan perkhidmatan kawalan keladi agas di dua (2) daerah utama yang meliputi kawasan seluas 74.4 hektar. Pelaksanaan program tersebut berjaya menurunkan keluasan infestasi rumpai sebanyak 64.15% pada musim pertama tahun 2024 dan ini menunjukkan keberkesanan intervensi yang dilaksanakan.

Selain itu, pada tahun 2025, sebanyak 12 siri kempen dan taklimat kawalan rumpai, perosak dan penyakit telah diadakan di seluruh negeri bagi meningkatkan kesedaran pesawah tentang kepentingan kawalan awal di peringkat penyediaan tanah *pra-cambah*. Sebanyak enam (6) bendera kuning tanda amaran turut dinaikkan di lokasi bancian perosak dan penyakit di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Daerah Seberang Perai Utara (SPU) sebagai isyarat kepada pesawah untuk melaksanakan kawalan segera.

Seterusnya, petak demonstrasi penanaman mengikut kaedah *rice check* turut dilaksanakan di SPU melibatkan keluasan empat (4) hektar bagi musim kedua tahun 2025 sebagai platform latihan lapangan kepada pesawah dalam mengamalkan pengurusan tanaman yang betul dan berkesan.

Langkah-langkah teknikal lain turut diberi penekanan bagi meningkatkan hasil padi di negeri ini. Antaranya ialah pengawalan rumpai dan perosak secara bersepadu (IPM) yang menggabungkan kawalan awal sebelum penanaman, kawalan kimia menggunakan racun pra-rawat dan pasca-

rawat mengikut kadar disyorkan, serta kawalan manual dan mekanikal bagi kawasan kemerebakan tinggi. Langkah ini dilengkapi dengan amalan agronomi baik seperti penggunaan benih sah dan berkualiti tinggi, penanaman mengikut jarak disyorkan, serta kawalan paras air sawah antara 5cm hingga 10cm bagi mengurangkan pertumbuhan rumpai daun lebar seperti keladi agas.

Dari segi infrastruktur, pemantapan sistem pengairan dan saluran sawah amat penting untuk memastikan air mencukupi dan sekata di semua kawasan jelapang. Agensi-agensi pengairan dibawah Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) disaran mempertingkatkan kerja penyelenggaraan tali air, parit dan pintu kawalan secara berkala agar pengagihan air dapat dijalankan dengan cekap mengikut fasa pertumbuhan tanaman.

Selain itu, penggunaan benih sah dan teknologi moden perlu dipertingkatkan di kalangan pesawah. Benih sah yang diperakui Jabatan Pertanian mampu menjamin kadar percambahan tinggi dan seragam, manakala penerapan teknologi seperti jentera menabur benih terus *direct seeding machine* serta sistem pemantauan amaran awal perosak dapat meningkatkan kecekapan pengeluaran. Program demonstrasi dan latihan lapangan *rice check* yang dijalankan di kawasan tumpuan pengeluaran padi juga memainkan peranan penting dalam memberi bimbingan teknikal berterusan kepada pesawah.

Dari sudut sokongan pengurusan dan insentif, kerajaan disaran meneruskan bantuan dan subsidi pertanian termasuk benih sah, baja, racun serta bantuan mekanisasi bagi mengurangkan beban kos pengeluaran pesawah. Usaha mengaktifkan semula kawasan sawah terbiar juga perlu diberi keutamaan melalui program kerjasama antara agensi dan koperasi pesawah bagi mengoptimumkan penggunaan tanah.

Akhir sekali, aktiviti pemantauan, bancian dan penyelidikan berterusan perlu dijalankan bagi menilai tahap keberkesanan program kawalan keladi agas serta mengenal pasti pendekatan terbaik yang sesuai dengan

keadaan tempatan. Melalui pelaksanaan tindakan bersepadu ini, hasil padi Negeri Pulau Pinang dijangka dapat ditingkatkan secara berperingkat ke arah mencapai sasaran purata 7 hingga 10 tan sehektar menjelang tahun 2030, seterusnya memperkukuh kedudukan negeri sebagai penyumbang penting kepada keterjaminan makanan negara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

7. Projek Lebuhraya Bertingkat Juru - Sungai Dua akan bermula. Apakah langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengelak kemungkinan berlaku kesesakan trafik yang lebih teruk di jajaran ini semasa tempoh pembinaan projek?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Kementerian Kerja Raya (KKR) bersama-sama Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) sebagai agensi pelaksana sedang dalam proses melaksanakan kerja-kerja bagi Projek Penyuraian Trafik di antara Plaza Tol Juru dan Plaza Tol Sungai Dua, Pulau Pinang di Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) dan kawasan sekitar (PTJSD). Projek ini telah diluluskan di bawah Rolling Plan 5 (RP5), Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

Langkah yang diambil oleh Kerajaan Negeri bagi mengelak kemungkinan berlaku kesesakan trafik yang lebih teruk di jajaran ini semasa tempoh pembinaan Projek Lebuhraya Bertingkat Juru–Sungai Dua adalah dengan memastikan pihak Kementerian Kerja Raya (KKR) atau kontraktor yang dilantik melaksanakan perkara berikut:-

- (i) Mengemukakan Pelan Pengurusan Trafik (Traffic Management Plan, TMP) kepada MBSP bagi semakan dan kelulusan sebelum kerja pembinaan dimulakan;

- (ii) Menetapkan penyediaan laluan alternatif dan lencongan sementara bagi memastikan aliran trafik kekal lancar sepanjang tempoh pelaksanaan projek; dan
- (iii) Memastikan koordinasi berterusan antara KKR, LLM, PLUS, MBSP dan PDRM bagi pemantauan trafik serta pelaksanaan langkah mitigasi di lokasi-lokasi kritikal.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

8. Nyatakan jumlah kampil beras tempatan (bersubsidi) yang diperuntukkan untuk pasaran Pulau Pinang dan jumlah kampil telah dijual bagi tempoh Mac hingga Ogos 2025.
- (a) Apakah beras tempatan kurang laku / kurang permintaan berbanding beras import?
  - (b) Bilakah Beras Cap Feri akan masuk ke pasar raya dan kedai-kedai runcit?

**YB FAHMI BIN ZAINOL**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Dalam tempoh 6 bulan pelaksanaan Program Khas Beras Putih Tempatan Bersubsidi (BPT) tahun iaitu bulan Mac hingga Ogos 2025 sejumlah 926, 972 kampil telah diedarkan di dalam Negeri Pulau Pinang.
- (a) Permintaan beras tempatan dan beras import adalah bergantung kepada pilihan pengguna. Pemilihan beras tempatan dan beras import juga bergantung kepada perbezaan pendapatan setiap pengguna. Kini pilihan lebih terbuka antara kedua-duanya kerana program subsidi beras putih tempatan telah tamat. Hal ini telah menyebabkan perbezaan nilai beras tempatan dan beras import hanya sedikit berbanding dahulu.
  - (b) Pihak FAMA hanya dibenarkan untuk memasarkan Beras Cap Feri melalui Program JAM sahaja berdasarkan permit

yang diluluskan oleh pihak Kawalselia Padi dan Beras (KPB). Program JAM diadakan di lokasi terpilih termasuk di Pasar Tani, Pasar Tani Kekal dan *Outlet* Agrobazaar Kedai Rakyat terpilih di seluruh Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

9. Projek naik taraf Kompleks Sukan Bertam, Kepala Batas disenaraikan sebagai keutamaan dalam Belanjawan Persekutuan 2026. Jelaskan mengenai skop kerja yang terlibat dalam projek naik taraf tersebut serta kos projek.

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Skop kerja yang terlibat dalam projek naik taraf tersebut serta kos projek adalah seperti berikut:

<b>Skop Kerja</b>	<b>Anggaran Kos (RM)</b>
Naik taraf Boling Padang	5,000,000.00
Naik taraf Trek Sintetik	2,000,000.00
Naik taraf Lampu Limpah	2,000,000.00
Kerja perundingan	1,000,000.00
<b>Jumlah</b>	<b>10,000,000.00</b>

Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan dan skop kerja yang akan dilaksanakan bergantung kepada perincian kelulusan belanjawan yang akan diterima daripada Kerajaan Persekutuan kelak.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

10. Padi ratun.

- (a) Apakah kerjasama MARDI dengan Universiti Perhutanan & Pertanian Fujian (FAFU) sudah dimeterai untuk melaksanakan projek kajian di MARDI Seberang Perai?
- (b) Apakah sudah dibuat kajian menyeluruh kesediaan dan penerimaan pesawah terhadap penanaman padi ratun?
- (c) Nyatakan jangkaan hasil per hektar bagi padi ratun.

**YB FAHMI BIN ZAINOL**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. (a) Perjanjian kerjasama antara Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dengan Fujian Agriculture and Forestry University, China (FAFU) masih belum dimeterai. Namun, perbincangan awal berkenaan hala tuju projek akan diadakan dalam masa terdekat.
- (b) Sehingga kini, kaedah penanaman padi secara ratun belum pernah dijalankan sama ada di peringkat *research and development* (R&D) atau secara komersial di jelapang padi Malaysia. Justeru, tiada data berkenaan tahap penerimaan dan kesediaan pesawah terhadap kaedah penanaman ini.
- (c) Tiada data jangkaan hasil boleh dicadangkan kerana ia belum pernah dinilai.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

11. Apakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk membina gelanggang pickleball di setiap DUN bagi menggalakkan penyertaan rakyat dalam aktiviti sukan rekreasi baharu ini?
- (a) Jika ada, nyatakan agensi pelaksana, anggaran kos pembinaan, serta strategi promosi dan pembangunan bakat sukan *pickleball* di peringkat komuniti dan sekolah.

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Kerajaan Negeri melalui jabatan dan agensi yang berkaitan sentiasa komited dalam membangunkan sukan di negeri ini. Namun, permohonan bagi pembinaan dan menaik taraf gelanggang *pickleball* perlu terlebih dahulu di mohon kepada Kerajaan Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Kerajaan Negeri turut menyokong aktiviti sukan *pickleball* di mana ia mampu melahirkan masyarakat sihat di sebalik memperkukuh semangat perpaduan dalam kalangan rakyat.

- (a) Bagi sukan *pickleball*, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Stadium Dan Kawasan Lapang Negeri Pulau Pinang (PSDKLPP) telah membina Nibong Tebal Arena yang menyediakan gelanggang *pickleball* bersama-sama gelanggang badminton dengan jumlah kos peruntukan bagi tahun 2025 adalah RM235,000.00.

Namun, anggaran kos bagi pembinaan sebuah gelanggang *pickleball* dianggarkan sebanyak RM160,000.00. Walau bagaimanapun, jumlah tersebut tertakluk kepada keadaan dan status tanah tapak cadangan, serta pelbagai faktor lain yang perlu diteliti sebelum pelaksanaan projek dibuat.

Beberapa strategi dan usaha promosi bagi sukan *pickleball* di peringkat komuniti dan sekolah telah dilaksanakan, antaranya ialah:

- (i) Mempromosikan *pickleball* semasa Hari Sukan Negara di Balik Pulau; dan
- (ii) Mempromosikan *pickleball* semasa Karnival Edutech.

Persatuan Pickleball Pulau Pinang turut memainkan peranan penting dalam mempromosi sukan ini kepada masyarakat.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

12. Apakah pelan jangka panjang Kerajaan Negeri dalam menggalakkan penglibatan belia dalam sektor pertanian terutamanya pengeluaran makanan asas?
- (a) Nyatakan jumlah usahawan tani yang telah berjaya dibangunkan melalui program bimbingan, geran bantuan atau kerjasama strategik bersama agensi Persekutuan dan sejauh mana impaknya terhadap ekonomi desa.

**YB FAHMI BIN ZAINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Kerajaan Negeri komited dalam menjadikan Negeri Pulau Pinang ke arah pertanian moden dan berhasrat untuk menjadikan sektor agromakanan sebagai peluang ekonomi yang menarik minat belia. Ia sedang dilaksanakan melalui perancangan yang sejajar dengan inisiatif negeri seperti *Penang Strategy for Economic Ecosystem Development* (Penang SEED) dan sasaran Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

Strategi pelaksanaan bagi jangka masa panjang adalah seperti yang berikut:

- (i) Memodenkan Pertanian (*Agri-Tech* & Pertanian Bandar)

Galakan penggunaan teknologi seperti *Internet of Things* (IoT), fertigasi, *vertical farming* dan automasi

supaya pertanian dapat menarik minat belia berkemahiran digital dan memberi pulangan ekonomi yang lebih baik.

(ii) Insentif Kewangan & Bantuan Permulaan

Pembiayaan geran, subsidi dan skim pembiayaan mikro untuk usahawan belia yang terlibat dengan agroperniagaan.

(iii) Latihan, Pendidikan dan Pemindahan Kemahiran

Program latihan teknikal, kursus penanaman secara moden, kolaborasi dengan institusi pengajian dan program inkubator supaya belia memperoleh kemahiran pengurusan ladang moden, pemasaran dan pemprosesan makanan. Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang bersedia menawarkan perkhidmatan nasihat teknikal dan program pembinaan kemahiran.

(iv) Akses Kepada Tanah, Infrastruktur dan Kawasan Pertanian Bandar

Menyediakan lot kecil, tapak pertanian bandar/kebun komuniti atau rancangan sewa jangka panjang untuk belia menjalankan pertanian bandar/komersial kecil supaya kos permulaan rendah dan risiko dikurangkan. Cadangan polisi dan perancangan negeri menekankan pengurusan fizikal ruang pertanian dalam pelan terancang.

(v) Rangkaian Nilai Melalui Pasaran Tempatan, Pembangunan dan Penyelidikan (R&D) dan Produk Hiliran

Memperkasa rantai nilai bantuan pemasaran seperti di pasar tani dan platform e-dagang, sokongan pemprosesan hiliran serta menjadi penghubung kepada pembeli utama seperti sekolah, institusi dan hotel.

(a) Program Agropreneur Muda merupakan inisiatif kerajaan bagi menggalakkan penglibatan belia dalam sektor agromakanan melalui pemberian bantuan geran dan bimbingan keusahawanan. Individu warganegara Malaysia berumur antara 18 hingga 43 tahun layak

dipertimbangkan untuk menerima Geran Agropreneur Muda *Start-Up*, manakala individu berumur antara 21 hingga 45 tahun layak bagi Geran Agropreneur Muda *Scale-Up*. Pelaksanaan program ini telah memberi impak yang signifikan terhadap pembangunan ekonomi luar bandar dengan memperkukuh penyertaan golongan muda dalam bidang pertanian moden. Sehingga kini, seramai 27 orang usahawan tani di Negeri Pulau Pinang masih aktif meneruskan perusahaannya selepas menerima bantuan di bawah Program Agropreneur Muda dalam memperkukuh ekosistem keusahawanan belia tani di negeri ini.

Sehingga tahun 2025, seramai 350 orang usahawan industri asas tani telah berjaya dibangunkan melalui pelbagai program bimbingan, bantuan geran serta kerjasama strategik dengan jabatan/agensi berkaitan. Inisiatif utama yang dilaksanakan di bawah program ini adalah Geran Agropelancongan, Geran Pemandanan *High Impact Product* (HIP), Geran Pemandanan *Change Upgrade Product* (CUP), Geran Galakan Pemasaran serta Program Rezeki Tani.

Manfaat program-program yang ditawarkan ini kepada ekonomi desa adalah seperti yang berikut:

- (i) Peningkatan Pendapatan dan Taraf Hidup
  - (a) Peningkatan pendapatan isi rumah yang membantu meningkatkan pendapatan isi rumah luar bandar secara purata antara 20% hingga 40% selepas menerima bantuan dan dapat memperbaiki taraf hidup keluarga tani di Negeri Pulau Pinang;
  - (b) Menjana pendapatan mampan melalui pemberian geran sehingga RM30,000.00 bagi projek *Start-Up* dan geran sehingga RM50,000.00 bagi projek *Scale-Up*. Para agropreneur muda berupaya memperoleh peralatan, input serta teknologi baharu yang dapat meningkatkan produktiviti dan kualiti pengeluaran melalui geran ini. Pendapatan yang dijana menjadi lebih stabil dan mampan dalam jangka panjang;

- (c) Sokongan Pembiayaan Modal Melalui Tabung Usahawan Tani (TUT) yang memberi pinjaman bersifat mudah kepada usahawan tani baharu dan sedia ada bagi tujuan modal pusingan, pembelian aset serta penambahbaikan operasi ladang. Inisiatif ini membantu memperkukuh kedudukan kewangan agropreneur kecil dan memudahkan pengembangan aktiviti pertanian secara komersial; dan
  - (d) Mengurangkan penghijrahan belia ke bandar dengan menyediakan peluang pekerjaan dan keusahawanan di kawasan luar bandar, menjadikan sektor pertanian sebagai sumber rezeki yang berdaya maju serta menarik minat generasi muda.
- (ii) Pemodenan dan Daya Tarik Sektor Pertanian
- (a) Penggunaan teknologi dan inovasi dalam bantuan berbentuk geran yang dapat mendorong agropreneur muda untuk mengadaptasi teknologi moden seperti sistem fertigasi, mekanisasi, automasi serta penggunaan aplikasi digital dalam pengurusan ladang. Langkah ini meningkatkan kecekapan pengeluaran dan mengubah landskap pertanian daripada tradisional kepada lebih berteknologi dan produktif; dan
  - (b) Meremajakan sektor pertanian dengan meningkatkan penyertaan aktif golongan belia yang berumur 18 hingga 45 tahun bagi memastikan kesinambungan tenaga kerja muda dalam sektor pertanian dan memperkukuh pembangunan ekonomi desa.
- (iii) Kesan Gandaan (*Multiplier Effect*) terhadap Ekonomi Setempat
- (a) Mewujudkan peluang pekerjaan dengan pertambahan projek pertanian sama ada secara langsung (pekerja ladang dan pengurus operasi) atau tidak langsung (pembekal input, pengangkutan, pemprosesan dan pembungkusan);

- (b) Pengukuhan rantai nilai agromakanan melalui kejayaan usahawan muda dalam pengeluaran pertanian memberi kesan kepada industri asas tani (IAT) dan bidang pemprosesan makanan. Sebagai contoh, hasil tanaman yang meningkat dapat menyokong perniagaan pemprosesan makanan tempatan yang turut dijalankan oleh agropreneur muda lain; dan
  - (c) Sokongan kepada ekonomi tempatan dalam pelaburan semula keuntungan melalui perniagaan komuniti setempat seperti membeli bekalan daripada pembekal tempatan dan menggunakan perkhidmatan logistik tempatan. Tindakan ini membantu merencanakan aktiviti ekonomi desa dan mengukuhkan kitaran ekonomi setempat.
- (vi) Perubahan Persepsi dan Pengukuhan Sekuriti Makanan
- (a) Perubahan budaya dan persepsi yang berjaya mengubah pandangan masyarakat khususnya golongan muda terhadap sektor pertanian. Pertanian kini dilihat sebagai kerjaya profesional yang berpotensi tinggi dari segi pendapatan serta pembangunan diri; dan
  - (b) Keterjaminan dan kelestarian makanan melalui peningkatan produktiviti serta pengeluaran hasil pertanian oleh usahawan muda secara langsung yang menyumbang kepada pengukuhan bekalan makanan tempatan dan menyokong matlamat keterjaminan makanan negara.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

13. Penularan wabak Influenza A.

- (a) Berapakah jumlah pelajar yang telah disahkan dijangkiti sejak awal tahun 2025 hingga kini mengikut daerah dan kategori sekolah?
- (b) Apakah langkah-langkah pencegahan, kawalan, dan intervensi kesihatan awam yang telah dan sedang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi mengekang penularan wabak ini serta memastikan keselamatan pelajar?

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. (a) Buat masa ini, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) tidak mempunyai data rasmi mengenai jumlah pelajar yang telah disahkan dijangkiti sejak awal tahun 2025 hingga kini mengikut daerah dan kategori sekolah.

Walaupun bagaimanapun, sejumlah 36 kes influenza telah dilaporkan bagi tahun 2025 di Negeri Pulau Pinang (sehingga Oktober) dan majoriti kes influenza yang dilaporkan adalah ringan serta pulih sepenuhnya tanpa komplikasi serius. Hanya sebilangan kecil pesakit, terutamanya daripada kumpulan berisiko tinggi seperti kanak-kanak kecil, warga emas dan pesakit yang

menghidap penyakit kronik memerlukan rawatan lanjut di hospital.

- (b) JKNPP melalui Pejabat Kesihatan Daerah telah mengadakan *Townhall Meeting* bersama institusi pendidikan bagi mengekang penularan penyakit berjangkit termasuk influenza, melalui langkah-langkah berikut:
- (i) Guru perlu menasihati pelajar yang bergejala supaya tidak memasuki kelas dan segera mendapatkan rawatan;
  - (ii) Guru disarankan untuk memperkukuhkan pendidikan kesihatan bagi menggalakkan kawalan sendiri dan tanggungjawab bersama;
  - (iii) Pihak sekolah disarankan untuk membuat laporan awal kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) yang berdekatan agar tindakan pencegahan dan kawalan dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan;
  - (iv) Ibu bapa perlu memastikan bahawa anak di bawah tanggungan masing-masing tidak mempunyai gejala influenza seperti demam, selesema atau batuk sebelum menghantar mereka ke sekolah; dan
  - (v) Ibu bapa dinasihatkan memantau keadaan anak yang mempunyai gejala influenza. Sekiranya gejala bertambah teruk, pelajar tersebut perlu mendapatkan rawatan ulangan dengan segera bagi mencegah berlakunya komplikasi.

Selari dengan Pemakluman Garis Panduan Pencegahan Penularan Jangkitan *Influenza - Like Illness* di Institut Pendidikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 30 Jun 2022, Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) telah mengeluarkan surat kepada semua sekolah bertarikh 6 Oktober 2025 berhubung penularan influenza di institusi pendidikan.

Surat kedua pula telah dikeluarkan pada 10 Oktober 2025 berkaitan kenyataan media berhubung penularan influenza di

institusi pendidikan dengan menjelaskan langkah-langkah bagi mengekang penularan influenza.

Berikutan penularan influenza di pasar raya seluruh Negeri Pulau Pinang, Cawangan Promosi Kesihatan, JKNPP telah menjalankan hebahan tentang jangkitan influenza di pusat membeli-belah, pasar, kawasan perumahan dan kawasan tumpuan orang ramai bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang penyakit ini dan langkah-langkah pencegahannya. Hebahan melalui media sosial turut dilaksanakan dengan kerjasama Jabatan Penerangan Pulau Pinang.

Manakala untuk golongan warga emas yang berisiko tinggi, program imunisasi pemberian Vaksin Influenza percuma kepada warga emas yang mempunyai sekurang-kurangnya satu penyakit kronik telah dilancarkan pada awal tahun ini dan dilaksanakan di 24 klinik kesihatan di seluruh negeri Pulau Pinang. Usaha ini adalah untuk mengelakkan komplikasi bagi melindungi golongan berisiko tinggi antaranya pesakit diabetes, jantung, hipertensi, obesiti (BMI melebihi 30) dan buah pinggang kronik.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

14. Apakah inisiatif yang dilaksanakan dan insentif yang ditawarkan dalam sektor pelancongan perubatan oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan bilangan kedatangan pelancong perubatan serta menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan untuk mendapatkan rawatan perubatan dan kesihatan?

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Melalui inisiatif oleh Penang Centre of Medical Tourism (PMED), Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai usaha untuk menggalakkan pertumbuhan sektor pelancongan perubatan di Pulau Pinang.

Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk penyertaan dalam siri jelajah promosi (*roadshow*) ke luar negara seperti China, Hong Kong, Indonesia dan Jepun di bawah Penang Global Tourism (PGT), serta penyertaan dalam Malaysia Healthcare Expo (MHX) di Bandung dan Jakarta melalui kerjasama dengan Malaysian Healthcare Travel Council (MHTC). Selain itu, Kerajaan Negeri turut menyertai *ASEAN Tourism Fair 2023* di Yogyakarta, Indonesia sebagai langkah memperluas jaringan promosi pelancongan perubatan di peringkat serantau.

Selain itu, PMED turut bekerjasama dengan institusi perbankan dalam penganjuran sesi ceramah kesihatan yang melibatkan pegawai pemasaran dari hospital swasta di Pulau Pinang

sebagai usaha memperkukuh kerjasama dan menarik potensi pelanggan.

Bagi meningkatkan aksesibiliti pelancong perubatan ke Pulau Pinang pada tahun 2025, PMED turut memeterai Memorandum of Cooperation (MOC) bersama *AirAsia* bagi melaksanakan *Boarding Pass Privilege Program* yang bertujuan menarik lebih ramai pelancong perubatan ke negeri ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

15. Nyatakan bentuk sokongan atau insentif yang diberikan kepada penggiat seni, produksi filem, pengusaha kraf tangan dan artis tempatan untuk membangunkan ekonomi kreatif negeri.
- (a) Apakah pelan jangka panjang Kerajaan Negeri bagi memastikan sektor pelancongan dan ekonomi kreatif terus mampan selaras dengan matlamat Pulau Pinang sebagai Destinasi Pintar & Budaya Dunia menjelang tahun 2030?

**YB WONG HON WAI**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Kerajaan Negeri melalui Penang Global Tourism (PGT) telah memainkan peranan penting dan strategik dalam memperkukuh ekonomi kreatif negeri Pulau Pinang, melalui pendekatan dinamik dan pelbagai dimensi yang merangkumi promosi pelancongan, pembangunan industri kreatif, serta pemeliharaan warisan budaya.

Dalam sektor kreatif, PGT bertindak sebagai pemudah cara utama bagi produksi filem antarabangsa dan domestik, dengan menyediakan insentif lokasi, sokongan logistik dan bantuan pentadbiran kepada penerbitan yang memilih Pulau Pinang sebagai destinasi penggambaran. Antara produksi yang telah dilaksanakan termasuk program terkenal seperti *Miss Hong Kong Pageant* oleh Television Broadcasts Limited (TVB), rancangan realiti Amerika *The Mole*, serta filem antarabangsa *No Good! Ojisan*. Usaha ini bukan sahaja mempromosikan Pulau Pinang di peringkat global tetapi juga menjadikannya

destinasi pilihan bagi penggambaran filem antarabangsa, sekaligus menjana publisiti yang besar kepada sektor pelancongan negeri.

Di samping itu, PGT turut aktif dalam pemuliharaan dan promosi perdagangan serta kraf tradisional tempatan. Antara inisiatif yang dijalankan termasuk penghasilan siri video khas yang menonjolkan kemahiran artisanal dan seni warisan tempatan, selain menyokong industri kraf tangan melalui pembelian terus produk seperti batik, pala dan cenderamata buatan tangan daripada pengusaha tempatan. Pendekatan ini bukan sahaja membantu mengekalkan sumber ekonomi komuniti kraf, malah memperkukuh nilai warisan budaya Pulau Pinang sebagai identiti pelancongan negeri.

Secara keseluruhannya, strategi bersepadu PGT telah berjaya menggabungkan pelancongan, seni dan media kreatif sebagai satu ekosistem mampan yang bukan sahaja menjana pertumbuhan ekonomi tetapi turut memperkukuh imej Pulau Pinang sebagai negeri yang kaya dengan kreativiti, budaya dan daya tarikan global.

- (a) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merangka pelan strategik yang komprehensif bagi memastikan kelestarian sektor pelancongan dan ekonomi kreatif, sejajar dengan wawasan "Pulau Pinang Destinasi Pintar & Budaya Dunia 2030". Teras utama pelan ini menumpukan kepada tiga (3) komponen utama iaitu pendigitalan, pemuliharaan budaya dan pengurusan pelancongan yang mampan.

Dalam usaha mewujudkan ekosistem destinasi pintar, kerajaan negeri menggalakkan penerimaan meluas pembayaran tanpa tunai (*cashless*) dalam kalangan peniaga, pemandu pelancong dan usahawan kreatif. Langkah ini bukan sahaja memudahkan urusan niaga, tetapi juga meningkatkan kecekapan perkhidmatan serta memperkukuh daya saing sektor pelancongan Pulau Pinang di era digital.

Dari aspek pemeliharaan budaya, usaha berterusan dijalankan untuk mengekalkan warisan hidup (*Living Heritage*) seperti Boria dan Wayang Kulit melalui program dokumentasi yang sistematik dan integrasi warisan

tersebut dalam produk pelancongan kontemporari. Inisiatif ini diperkukuh dengan penganjuran pengalaman budaya interaktif seperti kelas masakan tradisional, bengkel kraf tangan, dan lawatan komuniti berasaskan warisan, yang bukan sahaja mengekalkan identiti budaya negeri, tetapi turut memberi manfaat ekonomi langsung kepada komuniti setempat.

Dalam menangani isu kesesakan pelancongan, kerajaan negeri turut memperkenalkan strategi penyebaran pelancong (*visitor dispersion strategy*) dengan menggalakkan pelancongan ke kawasan kurang dilawati di Seberang Perai. Usaha ini disokong melalui pengembangan produk pelancongan ekologi (*eco-tourism*), termasuk program pemuliharaan penyu dan inisiatif pelancongan hijau yang selaras dengan prinsip kelestarian alam sekitar.

Bagi memperkukuh ekonomi kreatif, pembangunan Hab Kreatif Pulau Pinang turut dipergiat dengan mewujudkan lebih banyak ruang kolaborasi seni, galeri dan pusat aktiviti kreatif di seluruh negeri. Hab-hab ini berfungsi sebagai pemangkin bagi pertumbuhan ekonomi kreatif tempatan serta platform bagi bakat baharu menonjolkan karya mereka. Selaras dengan itu, Kerjasama Awam - Swasta (PPP) dipertingkatkan bagi menarik pelaburan dan kepakaran swasta dalam pembangunan infrastruktur pelancongan serta projek ekonomi kreatif berimpak tinggi.

Dari sudut promosi dan pemasaran, pendekatan baharu yang dikenali sebagai pemasaran berpaksikan pengalaman (*Experience-Based Marketing*) dilaksanakan. Strategi ini menekankan penceritaan yang autentik tentang pengalaman unik di Pulau Pinang berbanding promosi lokasi semata-mata. Usaha ini turut memanfaatkan kejayaan filem dan program antarabangsa yang menjalankan penggambaran di Pulau Pinang sebagai bahan promosi berkesan untuk memperkenalkan daya tarikan negeri kepada khalayak global. Sasaran utama kempen ini adalah pasaran pelancong berkualiti, iaitu pelancong yang menghargai warisan, mempunyai kesedaran budaya tinggi, serta mengamalkan prinsip

pelancongan mampan bagi memastikan impak sosioekonomi yang positif dan berkekalan.

Selain itu, Pulau Pinang melalui Jabatan Warisan Negara telah menyokong pengemukakan permohonan kepada United Nations Educational Scientific and Cultural Organization (UNESCO) untuk mendapatkan pengiktirafan Perarakan *Chingay* dan Tarian Singa sebagai warisan budaya tidak ketara (*Intangible Cultural Heritage*). Persembahan tradisional ini, yang menjadi sebahagian daripada identiti budaya negeri, mempersembahkan keunikan tarian singa dan naga diiringi gendang, muzik dan mercun. Permohonan ini turut dibuat secara bersama antara Pulau Pinang dan China bagi Tarian Singa, serta antara Pulau Pinang dan Singapura bagi Perarakan *Chingay*. Sekiranya diluluskan, pengiktirafan ini akan memperkukuh lagi kedudukan Pulau Pinang di peringkat antarabangsa sebagai negeri yang kaya dengan warisan budaya dan tradisi hidup, serta memastikan kesinambungan amalan tersebut untuk dinikmati generasi akan datang.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

16. Nyatakan bilangan penyumbang zakat bagi tempoh tahun 2023 hingga Oktober 2025 mengikut kategori individu, syarikat dan lain-lain entiti.
- (a) Jumlah kutipan keseluruhan zakat bagi tempoh yang sama serta peratusan peningkatan atau penurunan mengikut kategori penyumbang.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Bilangan penyumbang zakat bagi tempoh tahun 2023 hingga Oktober 2025, mengikut kategori individu, syarikat, dan lain-lain entiti adalah seperti di **LAMPIRAN A**.
- (a) Jumlah kutipan keseluruhan zakat bagi tempoh yang sama, mengikut kategori penyumbang menunjukkan peningkatan walaupun berlaku penurunan bilangan pembayar. Analisa peningkatan atau penurunan mengikut kategori penyumbang bagi tempoh dinyatakan adalah seperti di **LAMPIRAN B**.

Secara keseluruhannya, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) percaya bahawa perkembangan positif kutipan bagi bulan Oktober 2025 berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya mencerminkan trend yang memberangsangkan dan dijangka membantu MAINPP mencapai sasaran RM200 juta kutipan zakat bagi tahun 2025.

LAMPIRAN A

Jadual 1: Data Kutipan dan Pembayar Zakat Harta Bagi Tahun 2023 sehingga Oktober 2025

KATEGORI PEMBAYAR	2023		2024		2025 (25 Oktober 2025)	
	JUMLAH	PEMBAYAR	JUMLAH	PEMBAYAR	JUMLAH	PEMBAYAR
INDIVIDU	RM 63,713,645.31	17,774	RM 75,523,003.25	16,377	RM 51,329,729.40	11,912
PERNIAGAAN	RM 28,829,214.05	5,648	RM 29,993,371.15	5,511	RM 19,658,001.46	3,666
SKIM SAKINAH	RM 57,077,716.81	49,452	RM 60,002,455.47	48,906	RM 49,179,357.84	48,796
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 149,620,576.17</b>	<b>72,874</b>	<b>RM165,518,829.87</b>	<b>70,794</b>	<b>RM120,167,088.70</b>	<b>64,374</b>

*Nota: Data kutipan dan pembayar zakat harta bagi tahun 2025 adalah sehingga 25 Oktober 2025*

Maklumat Tambahan:


LAMPIRAN A

Jadual 2: Data Kutipan dan Pembayar Zakat Harta Bagi Bulan Oktober Tahun 2023 sehingga 2025

KATEGORI PEMBAYAR	OKTOBER 2023		OKTOBER 2024		OKTOBER 2025	
	JUMLAH	PEMBAYAR	JUMLAH	PEMBAYAR	JUMLAH	PEMBAYAR
INDIVIDU	RM 40,530,644.33	12,761	RM 43,575,500.66	12,597	RM 51,329,729.40	11,912
PERNIAGAAN	RM 17,070,552.20	3,994	RM 19,187,255.87	3,731	RM 19,658,001.46	3,666
SKIM SAKINAH	RM 46,688,186.55	49,201	RM 49,977,772.31	48,807	RM 49,179,357.84	48,796
<b>JUMLAH</b>	<b>RM 104,289,383.08</b>	<b>65,956</b>	<b>RM 112,740,528.84</b>	<b>65,135</b>	<b>RM 120,167,088.70</b>	<b>64,374</b>

## ANALISA KUTIPAN KESELURUHAN ZAKAT HARTA MENGIKUT KATEGORI PEMBAYAR BAGI TAHUN 2023 SEHINGGA 2025

Graf 1: Perbandingan Jumlah Kutipan Zakat Harta Mengikut Kategori Pembayar



Graf 1 menunjukkan prestasi keseluruhan kutipan zakat harta bagi tempoh tahun 2023 sehingga Oktober 2025. Secara keseluruhannya, kutipan zakat menunjukkan trend peningkatan yang sangat positif bagi mencapai sasaran kutipan zakat bagi tahun 2025.

Bagi kategori Individu, peningkatan sebanyak 18.5% pada tahun 2024 berbanding tahun 2023. Kategori Perniagaan pula mencatatkan peningkatan sebanyak 4% pada tahun 2024 berbanding tahun sebelumnya. Manakala kategori Skim Sakinah menunjukkan peningkatan sederhana sebanyak 5% pada tahun 2024 berbanding tahun 2023.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

17. Apakah strategi terkini Kerajaan Negeri dalam membantu golongan rentan khususnya keluarga miskin dan miskin bandar agar tidak tercicir daripada arus pembangunan negeri?
- (a) Apakah langkah-langkah baharu yang akan diambil oleh Kerajaan Negeri bagi memperkukuh peranan komuniti dan NGO tempatan dalam membina jaringan sokongan sosial di peringkat akar umbi?

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Berdasarkan data eKasih bertarikh 1 November 2025, Pulau Pinang telah menunjukkan sifar kemiskinan tegar. Namun begitu, isu kemiskinan bersifat dinamik dan memerlukan pemantauan berterusan agar isi rumah berpendapatan rendah tidak kembali terjerumus ke dalam kemiskinan akibat faktor seperti kehilangan pekerjaan, penyakit atau bencana.

Bagi memastikan kesejahteraan sosial rakyat terus diperkukuh dan isi rumah berpendapatan rendah kekal berdaya tahan, Kerajaan Negeri akan terus melaksanakan beberapa strategi utama, antaranya:

- (i) Mesyuarat Jawatankuasa Focus Group Kesejahteraan Rakyat (FGD) di peringkat daerah bagi menyelaraskan pelaksanaan dasar, strategi dan program kesejahteraan rakyat serta mengenal pasti isu dan cabaran di peringkat akar umbi;

- (ii) Bantuan Agenda Ekonomi Saksama (BAES) di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dengan peningkatan kadar Pendapatan Per Kapita (PPK) daripada RM260.00 kepada RM322.00 mulai 1 Januari 2025. Bantuan diberikan antara RM100.00 hingga RM1,300.00 sebulan bergantung kepada kelayakan;
- (iii) Program Peningkatan dan Pemulihan Ekonomi (Bantuan Peralatan) melalui Projek Khas Ekonomi yang memfokuskan kepada peniaga kecil sepenuh masa berpendapatan kurang daripada RM3,000.00 sebulan. Bantuan peralatan disalurkan melalui Pejabat Daerah dan Tanah bagi membantu peniaga mengembangkan perniagaan dan meningkatkan pendapatan isi rumah; dan
- (iv) Program Bina Baru dan Baiki Rumah Rakyat Termiskin (PBRRT) di bawah MMK Pembangunan Luar Bandar yang menyediakan kediaman selamat dan selesa kepada golongan berpendapatan rendah. Kos pembinaan rumah baharu diperuntukkan sehingga RM75,000.00 seunit, manakala baik pulih rumah sehingga RM42,000.00 seunit.

Selain itu, Zakat Pulau Pinang (ZPP) turut memainkan peranan penting dalam memperkasa golongan miskin bandar melalui empat (4) strategi utama:

- (i) Pembangunan sosial dengan memperluas capaian agihan zakat kepada asnaf di kawasan bandar serta memperkukuh sistem agihan yang telus;
- (ii) Pembangunan ekonomi dengan menyediakan dana zakat sebagai modal pusingan dan pembiayaan mikro bagi membantu asnaf memulakan atau memperluas perniagaan;
- (iii) Pendidikan dengan menyediakan bantuan awal persekolahan, pakaian seragam, peralatan sekolah dan dermasiswa untuk anak-anak keluarga miskin bandar; dan

- (iv) Pembangunan modal insan dengan membina keupayaan dan jati diri melalui latihan kemahiran, kaunseling, bimbingan kerjaya serta pengukuhan jaringan sokongan komuniti.

Pelaksanaan strategi-strategi ini mencerminkan komitmen berterusan Kerajaan Negeri dalam memperkukuh jaringan perlindungan sosial dan memperkasa komuniti rentan agar mereka mampu berdikari serta menikmati kemajuan negeri secara inklusif dan mampan.

- (a) Kerajaan Negeri memperkukuh peranan komuniti dan NGO tempatan melalui beberapa langkah baharu, antaranya pelaksanaan program Sukarelawan Mutiara yang berperanan menggerakkan aktiviti kesukarelawanan di peringkat komuniti bagi membantu golongan rentan seperti warga emas, OKU dan keluarga berpendapatan rendah.

Selain itu, penubuhan Jawatankuasa Belia Pulau Pinang (JBPP) dan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) turut dilaksanakan sebagai pelengkap kepada Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) bagi memastikan penyertaan aktif golongan belia dan wanita dalam pembangunan sosial.

Kerajaan Negeri juga memperkukuh kerjasama strategik dengan NGO tempatan bagi melaksanakan inisiatif sosial dan ekonomi yang memberi manfaat langsung kepada rakyat di peringkat akar umbi.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

18. Nyatakan inisiatif Kerajaan Negeri dalam memperkasa pelancongan komuniti (*community - based tourism*) di daerah Seberang Perai Utara terutamanya Kepala Batas.

**YB WONG HON WAI**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang Global Tourism (PGT) melaksanakan beberapa inisiatif untuk memperkasa pelancongan komuniti di Daerah Seberang Perai Utara, khususnya di Kepala Batas. Dari aspek pembangunan ekonomi komuniti, PGT memperluas promosi program *homestay* melalui platform digital seperti laman web rasmi dan media sosial, di samping membangunkan pakej agro pelancongan yang memberi peluang kepada pelawat meneroka produk dan aktiviti pertanian tempatan. Selain itu, usaha pemeliharaan warisan budaya turut diperkukuh melalui promosi produk kraf tradisional seperti Capal Jago kepada pasaran lebih luas termasuk penonton antarabangsa, bagi mengekalkan warisan komuniti sambil menjana pendapatan kepada pengusaha tempatan.

Selari dengan itu, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) memastikan komuniti tempatan menerima manfaat langsung daripada pembangunan pelancongan melalui pelaksanaan pendekatan Pelancongan Berasaskan Komuniti (Community-Based Tourism - *CBT*). Antara inisiatif utama termasuk Program Penglibatan Komuniti Sungai Tembus, yang melibatkan komuniti nelayan dalam aktiviti pemuliharaan burung hijrah serta

penganjuran pakej pelancongan berasaskan alam semula jadi. MBSP juga menyokong promosi produk budaya dan warisan tempatan, dengan menjemput pengusaha makanan dan kraf tangan menyertai program seperti *Butterworth Fringe Festival* (BFF), Hari Warisan Seberang Perai, dan Hari Bandaraya.

Seterusnya, *Kepala Batas Festival* akan dianjurkan pada 6 hingga 7 Disember 2025, menampilkan pelbagai persembahan seni tempatan secara percuma, berkonsepkan *street art performance*, sekali gus mengukuhkan identiti budaya dan ekonomi kreatif daerah. Di samping itu, Kajian Inventori Produk dan Pelan Tindakan Pelancongan Seberang Perai (SPU, SPT, SPS) sedang dilaksanakan untuk mendokumentasikan produk pelancongan berpotensi serta mencadangkan pembangunan produk baharu berteras komuniti, dan kajian ini dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2026.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

19. Nyatakan usaha bagi memastikan akses teknologi dan infrastruktur digital dapat dinikmati secara menyeluruh oleh rakyat Pulau Pinang termasuk di kawasan luar bandar.
- (a) Apakah langkah Kerajaan Negeri dalam memastikan jurang digital antara bandar dan luar bandar dapat dikurangkan menjelang tahun 2026?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Bagi memastikan akses teknologi dan infrastruktur digital dapat dinikmati secara menyeluruh oleh rakyat Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui Digital Penang telah melaksanakan inisiatif kelas digital yang memberi tumpuan kepada pemerksaan komuniti luar bandar melalui pembangunan kemahiran digital dan akses kepada teknologi.
- (a) Antara langkah utama yang dilaksanakan bagi memastikan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar dapat dikurangkan menjelang tahun 2026 adalah memanfaatkan Pusat Sebaran Maklumat Nasional (NADI) di seluruh negeri sebagai hab pelaksanaan program digital berteraskan komuniti. Melalui inisiatif ini, masyarakat di kawasan luar bandar dapat mengikuti pelbagai program latihan yang memberi pendedahan kepada kemahiran teknologi maklumat, keusahawanan digital dan e-dagang selaras dengan aspirasi negeri untuk mewujudkan keterangkuman digital bagi semua.

Pada tahun 2025 sahaja, sebanyak 116 kelas digital telah dilaksanakan di seluruh Pulau Pinang dengan penyertaan lebih daripada 2,500 peserta. Secara keseluruhannya, sejak penubuhan Digital Penang, sebanyak 750 kelas digital telah berjaya dianjurkan, melibatkan lebih daripada 18,000 peserta daripada pelbagai lapisan masyarakat termasuk komuniti luar bandar.

Sehingga kini, program-program ini telah dijalankan di 21 pusat NADI serta beberapa Pusat Khidmat KADUN termasuk di NADI Jawi, Machang Bubok dan Penaga yang menjadi antara lokasi tumpuan di kawasan luar bandar. Usaha ini akan diteruskan dan diperluas bagi memastikan akses terhadap teknologi dan kemahiran digital dapat dinikmati secara menyeluruh serta jurang digital antara bandar dan luar bandar dapat dikurangkan secara berperingkat menjelang tahun 2026.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

20. Nyatakan strategi Kerajaan Negeri dalam memperkukuh institusi kekeluargaan termasuk program bimbingan keibubapaan, kesihatan mental keluarga serta kempen menentang keganasan rumah tangga dan penderaan wanita.

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) melaksanakan pelbagai strategi dan inisiatif bagi memperkukuh institusi kekeluargaan serta membina masyarakat yang lebih selamat, sejahtera dan inklusif. Antara usaha utama ialah penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) di setiap kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN). JPWK memberi fokus kepada pelaksanaan program berkaitan keibubapaan, kekeluargaan, kesihatan dan keusahawanan wanita, dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) menetapkan pelaksanaan sekurang-kurangnya 10 projek setiap tahun.

Selain itu, pelaksanaan Dasar Keluarga Selamat (DKS) yang diperkenalkan pada tahun 2020 turut menekankan pembentukan keluarga sejahtera dan berdaya tahan selaras dengan visi Penang2030. Dasar ini memberi tumpuan kepada pencegahan awal masalah sosial dan pengukuhan hubungan kekeluargaan melalui sokongan komuniti serta penubuhan First Support Point (FSP) di seluruh negeri bagi membantu keluarga yang terkesan dengan isu konflik rumah tangga.

Bagi memastikan kesejahteraan psikologi dan kesihatan mental keluarga, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) menyediakan Unit Kaunseling di hospital-hospital kerajaan bagi menawarkan perkhidmatan kaunseling kepada individu atau keluarga yang berhadapan tekanan emosi, keganasan rumah tangga, atau masalah kesihatan mental.

Mangsa atau individu yang memerlukan bantuan lanjut turut dirujuk kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang (JKMNPP) untuk mendapatkan sokongan tambahan seperti penempatan di rumah perlindungan, bantuan kebajikan serta khidmat intervensi sosial.

Selain itu, melalui program JPWK dan kerjasama PWDC, pelbagai bengkel dan ceramah kesedaran berkaitan kesihatan mental keluarga, komunikasi berkesan, dan pengurusan emosi dalam keluarga turut dilaksanakan di peringkat komuniti bagi memupuk kesejahteraan emosi dan hubungan harmoni dalam institusi keluarga.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang secara konsisten melaksanakan Kempen Tahunan Penang Goes Orange (PGO) sejak tahun 2014, bersempena *16 Days of Activism Against Gender-Based Violence*. Kempen ini menjadi platform utama dalam meningkatkan kesedaran awam tentang kepentingan menghentikan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak, serta menggalakkan masyarakat untuk bersuara dan menolak budaya berdiam diri terhadap keganasan.

Bagi tahun 2025, kempen ini membawa tema "*Break the Silence | Jangan Dok Diam*", yang menekankan keperluan untuk memecahkan budaya berdiam diri dan menggalakkan komuniti tampil membantu serta memberi sokongan kepada mangsa keganasan.

Di samping itu, One Stop Crisis Centre (OSCC) diwujudkan di setiap hospital bagi mengendalikan kes penderaan dan keganasan rumah tangga. Pasukan OSCC di Pulau Pinang turut bekerjasama rapat dengan Women's Centre for Change (WCC), sebuah pertubuhan bukan kerajaan yang menyediakan kaunseling, perlindungan dan penempatan sementara kepada mangsa. Kerjasama pelbagai agensi ini

memastikan tindak balas yang lebih menyeluruh dan bersepadu dalam menangani isu keganasan rumah tangga di negeri ini.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

21. Kesejahteraan keluarga Negeri Pulau Pinang.

- (a) Nyatakan langkah-langkah strategik yang telah dan akan dilaksanakan bagi memperkukuh pembangunan wanita dan kesejahteraan keluarga di Pulau Pinang.
- (b) Apakah inisiatif khusus yang dirangka bagi memperkasa wanita dalam bidang ekonomi digital dan keusahawanan termasuk latihan, geran bantuan dan peluang pasaran tempatan atau luar negara?

**YB LIM SIEW KHIM**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. (a) Antara langkah-langkah strategik yang telah dirangka dan dilaksanakan bagi memperkukuh pembangunan wanita dan kesejahteraan keluarga di Pulau Pinang adalah seperti berikut:

- (i) **Pemeriksaan Kepimpinan Wanita**

Melalui penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) di setiap kawasan DUN sejak tahun 2019, wanita diberi peluang untuk memegang jawatan kepimpinan serta melaksanakan program pembangunan wanita, keluarga dan komuniti. Inisiatif ini bertujuan membina "*talent pool*" pemimpin wanita di peringkat akar umbi;

(ii) **Pemeriksaan Ekonomi Wanita**

Program keusahawanan seperti *Penang Women Entrepreneur Mentoring Programme* (PenMentor) dilaksanakan sejak tahun 2020 bagi memberikan latihan, bimbingan dan sokongan berterusan kepada usahawan wanita mikro serta golongan B40 bagi membantu mereka menjana pendapatan dan mencapai kestabilan ekonomi keluarga;

(iii) **Peningkatan Penyertaan Wanita dalam Politik**

Melalui penganjuran Sidang Wanita Pulau Pinang yang diadakan setiap tahun sejak tahun 2020, wanita diberikan peluang dan platform untuk merasai pengalaman sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di dalam simulasi persidangan Dewan Undangan Negeri. Selain itu, pelaksanaan Program Kepimpinan Wanita Elit dalam Politik (WELIT) turut memberi peluang kepada peserta untuk mendapatkan pengalaman secara langsung di lapangan melalui penyertaan dalam kerja-kerja komuniti dan penganjuran program di bawah bimbingan dan penyeliaan ADUN;

(iv) **Pelaksanaan Dasar Keluarga Selamat Pulau Pinang (DKS)**

DKS menekankan usaha membentuk keluarga yang sejahtera, berdaya tahan dan bebas daripada keganasan rumah tangga. Tujuan utama dasar ini untuk mewujudkan sistem khidmat sokongan atau *First Support Point* (FSP) bagi menyediakan bantuan sewajarnya kepada mangsa; dan

(v) **Pelaksanaan Dasar Keterangkuman Gender Pulau Pinang (DKG)**

DKG menjadi dasar utama Kerajaan Negeri dalam mengurusperdanakan gender di semua peringkat pentadbiran. Melalui pelaksanaan *Gender Responsive and Participatory Budgeting* (GRPB) semua agensi dan jabatan negeri digalakkan

merancang, melaksanakan dan menilai bajet serta program dengan mengambil kira keperluan semua golongan bagi memastikan dasar dan pembangunan negeri bersifat inklusif.

- (b) Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui PWDC turut bekerjasama dengan *Digital Penang* dalam melaksanakan program yang memberi tumpuan kepada pembangunan wanita dalam bidang digital seperti PenMentor yang menekankan aspek kemahiran digital dan keusahawanan. Peserta program turut mengikuti bengkel pemasaran digital yang memperkenalkan pelbagai alat dan platform digital terkini seperti *CapCut*, *Canva* dan *TikTok Shop*.

Dalam aspek e-dagang, *Digital Penang* telah berkolaborasi dengan TikTok dan Lazada melalui penganjuran program seperti *TikTok Ads Seminar*, *TikTok Shop Northern Roadshow*, *Lazada Masterclass Training* dan *Lazada Teh Tarik Session*. Program-program ini telah berjaya membimbing lebih daripada 400 peserta termasuk wanita dan belia. Latihan ini membantu usahawan wanita mikro dan kecil mempelajari kaedah penghasilan kandungan digital yang berkesan, promosi kreatif serta strategi jualan dalam talian bagi memperluas capaian pasaran produk mereka di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Selain itu, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) juga menyediakan kemudahan pembiayaan mikro kepada usahawan wanita di bawah Skim Pinjaman Harapan (SPH). Inisiatif ini bertujuan membantu memperkukuh modal pusingan serta memperluas aktiviti perniagaan para usahawan. Sehingga kini, seramai 2,498 orang usahawan wanita telah menerima manfaat daripada skim ini.

Usahawan wanita turut diberi peluang menyertai Program Jelajah Usahawan Pulau Pinang di Negeri Melaka, Kelantan dan Selayang yang dianjurkan bersama Bahagian Pembangunan Usahawan Bumiputera Pulau Pinang (BPUBPP) dan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pulau Pinang bagi memperkenalkan

produk tempatan ke pasaran luar negeri serta membina jaringan perniagaan baharu.

Kerajaan Negeri di bawah MMK Keusahawanan turut memperkukuh agenda pemerkasaan wanita melalui pemberian dana dan geran kepada Pertubuhan Wanita Tunas Negara Malaysia (NITAS) bagi pelaksanaan Program Festival Fesyen Usahawan Pulau Pinang yang telah diadakan pada 16 Februari 2025 di Hotel Mercure, Tanjung Bungah sebagai medium mengetengahkan produk dan rekaan usahawan wanita tempatan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

22. Nyatakan program keusahawanan, kemahiran teknikal dan kepimpinan yang telah dijalankan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri serta agensi berkaitan sepanjang tahun 2024 hingga 2025 serta bilangan belia yang terlibat.
- (a) Nyatakan inisiatif baharu yang akan diperkenalkan bagi memastikan belia terus aktif dalam pembangunan komuniti khususnya kawasan luar bandar dan pinggir bandar.

**YB GOOI ZI SEN**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Perincian program keusahawanan, kemahiran teknikal dan kepimpinan yang telah dijalankan oleh Jabatan Belia dan Sukan Negeri Pulau Pinang (JBSNPP) serta agensi berkaitan sepanjang tahun 2024 hingga 2025 adalah seperti di **LAMPIRAN A** dan **LAMPIRAN B**.
- (a) Di bawah inisiatif Pemerkasaan Belia Luar Bandar, Siri Jelajah Belia telah diperkenalkan bagi mendekati belia di kawasan luar bandar dan memfokuskan penglibatan mereka di dalam program komuniti setempat.

Melalui program-program yang dilaksanakan, secara tidak langsung Kerajaan Negeri mampu mendengar hasrat, cadangan, pandangan atau idea yang disampaikan oleh golongan belia di luar bandar. Ia dapat membantu pihak Kerajaan Negeri untuk membantu dan menyokong

golongan belia ini supaya tidak tercicir dari perancangan Kerajaan Negeri di dalam pembangunan belia di Pulau Pinang. Dalam tahun 2025, sebanyak 10 program telah dijalankan sempena bulan Ramadhan serta telah melibatkan seramai 2,487 orang belia.

Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui JBSNPP dan Penang Youth Development Corporation (PYDC) akan terus komited merangka dan melaksanakan program yang menepati keperluan serta minat golongan belia di kawasan tersebut, agar mereka kekal aktif dan terus terlibat dalam pembangunan komuniti setempat.

**LAMPIRAN A**

**PROGRAM KEUSAHAWAN, KEMAHIRAN TEKNIKAL DAN KEPIMPINAN YANG DIANJURKAN JABATAN BELIA DAN SUKAN SERTA AGENSI BERKAITAN DI NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2025**

**PROGRAM KEUSAHAWANAN**

<b>Bil.</b>	<b>Program</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tempat</b>	<b>Jumlah Peserta</b>
1.	Foodtruck Dan Kraftangan @ Penang 2025	16 Hingga 18 Mei 2025	Hin Bus Depot, Georgetown	4,500
2.		15 Mei 2025	Institut Kemahiran Belia Tinggi Negara, Bukit Mertajam	3,043
3.		15 Mei 2025	Sekolah Menengah Kebangsaan Hamid Khan	2,112
4.	Semarak Hari Belia Negara Peringkat Daerah Tahun 2025	15 Mei 2025	Sekolah Menengah Kebangsaan Sri Muda, Penaga	1,102
5.		15 Mei 2025	Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Balik Pulau	1,560
6.		15 Mei 2025 Dan 28 Mei 2025	Kolej Vokasional Nibong Tebal	1,540
<b>Jumlah Keseluruhan Peserta</b>				<b>13,857</b>

## PROGRAM KEPIMPINAN

Bil.	Program	Tarikh	Tempat	Jumlah Peserta
1.	Anugerah Perdana Belia Malaysia Peringkat Negeri Pulau Pinang	15 Hingga 16 Mac 2025	Kompleks Belia Dan Sukan Negeri Pulau Pinang	22
2.	Program Pengurusan Organisasi	7 Hingga 9 November 2025	Pusat Sukan Rekreasi Air Tanjung Bungah	50
3.	Majlis Perundingan Belia Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang	23 Ogos 2025	Royale Chulan Hotel, Pulau Pinang	108
4.	Majlis Perundingan Belia Negara Peringkat Daerah	18 Jun 2025	Institut Kemahiran Belia Tinggi Negara, Bukit Mertajam	50
5.		18 Jun 2025	Kompleks Masyarakat Penyayang, Georgetown	50
6.		28 Jun 2025	Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas	46
7.		1 Julai 2025	Hotel Seri Malaysia, Bayan Baru	40
8.		23 Julai 2025	Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan	50

9.	Sembang Santai Madani Bersama Alumni Sidang Muda Penang 2025	16 Hingga 18 Mei 2025	Hin Bus Depot, Georgetown	250
10.		25 Hingga 27 September 2025	Farmstay Relau, Bandar Baharu, Kedah	50
11.		23 Hingga 25 September 2025	Mawaddah Resort Chalet and Training Village, Batu Kurau, Taiping Perak	50
12.	Kem Belia Peringkat Daerah Tahun 2025	22 Hingga 24 September 2025	Serdang Lakeview Resort, Kedah	50
13.		23 Hingga 25 September 2025	Kem Motivasi Bukit Besar, Kulim, Kedah	50
14.		3 Hingga 5 November 2025	Pusat Rekreasi Sedim, Kedah	50
<b>Jumlah Keseluruhan Peserta</b>				<b>916</b>

**PROGRAM KEMAHIRAN TEKNIKAL**

<b>Bil.</b>	<b>Program</b>	<b>Tarikh</b>	<b>Tempat</b>	<b>Jumlah Peserta</b>
1.	Rakan Prihatin: Genta Pemeriksaan Ekonomi Belia	13 November 2025	Politeknik Seberang Perai	300
2.	Rakan Mahir: Agro Belia Lestari (Latihan)	21 Hingga 22 Julai 2025	Institut Pertanian Bumbung Lima, Kepala Batas, Pulau Pinang	40
4.	Rakan Mahir: Program Intervensi Pemerikasaan Ekonomi Belia	11 Hingga 12 Ogos 2025	Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang, Bukit Mertajam, Pulau Pinang	40
5.	Rakan Mahir: Projek Reben Kuning	29 Julai 2025	Kompleks Belia Dan Sukan Negeri Pulau Pinang	10
6.	Rakan Mahir: Literasi Kewangan Belia	25 Ogos 2025	Kompleks Belis Dan Sukan Negeri Pulau Pinang	80
7.		04 Oktober 2025	Dewan Serbaguna Jawi	80
<b>Jumlah Keseluruhan Peserta</b>				<b>550</b>

LAMPIRAN B

PROGRAM KEUSAHAWAN, KEMAHIRAN TEKNIKAL DAN KEPIMPINAN YANG DIANJURKAN JABATAN BELIA DAN SUKAN SERTA AGENSI BERKAITAN DI NEGERI PULAU PINANG TAHUN 2024

PROGRAM KEUSAHAWANAN

Bil.	Program	Tarikh	Tempat	Jumlah Peserta
1.	Kopi Fest Pulau Pinang 2024: Segmen Lorong Nostalgia	17 Hingga 19 Mei 2024	Perkarangan Lotus Seberang Jaya	5,600
2.	Lorong Nostalgia Pulau Pinang 2024	17 Hingga 19 Mei 2024	Perkarangan Lotus Seberang Jaya	3,100
3.	Semarak Hari Belia Peringkat Daerah Timur Laut	15 Mei 2024	Univerisiti Sains Malaysia Pulau Pinang	206
4.	Semarak Hari Belia Peringkat Daerah Seberang Perai Utara	15 Mei 2024	Institut Latihan Perindustrian Kepala Batas	237
5.	Semarak Hari Belia Peringkat Daerah Seberang Perai Tengah	15 Mei 2024	Politeknik Seberang Perai	218
6.	Semarak Hari Belia Peringkat Daerah Seberang Perai Selatan	15 Mei 2024	Sekolah Menengah Kebangsaan Tuanku Abdul Rahman	200
7.	Semarak Hari Belia Peringkat Daerah Barat Daya	15 Mei 2024	Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Maung	200
<b>Jumlah Keseluruhan Peserta</b>				<b>9,761</b>

## PROGRAM KEPIMPINAN

Bil.	Program	Tarikh	Tempat	Jumlah Peserta
1.	Majlis Perundingan Belia Peringkat Daerah Seberang Perai Utara	28 Jun 2024	Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas	47
2.	Majlis Perundingan Belia Peringkat Daerah Seberang Perai Tengah	19 Julai 2024	Hotel Universiti Teknologi Mara, Permatang Pauh	50
3.	Majlis Perundingan Belia Peringkat Daerah Seberang Perai Utara	28 Jun 2024	Hotel Seri Malaysia, Kepala Batas	47
4.	Majlis Perundingan Belia Peringkat Daerah Seberang Perai Tengah	19 Julai 2024	Hotel Universiti Teknologi Mara, Permatang Pauh	50
5.	Majlis Perundingan Belia Peringkat Daerah Seberang Perai Selatan	14 Julai 2024	Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Selatan	40
6.	Majlis Perundingan Belia Peringkat Daerah Timur Laut	26 Jun 2024	Kompleks Masyarakat Penyayang, Georgetown	39
7.	Majlis Perundingan Belia Peringkat Daerah Barat Daya	7 Ogos 2024	Hotel Seri Malaysia, Bayan Lepas	40
8.	Kem Belia 2024	2 Hingga 4 Ogos 2024	Kem <i>White Resort</i> , Balik Pulau	60
9.	Anugerah Perdana Belia Negara Peringkat Negeri Pulau Pinang	2 Hingga 3 Mac 2024	Kompleks Belia Dan Sukan Negeri Pulau Pinang, Batu Uban	24

10.	Kembara Jumpa Orang Muda (Kembara-Jom) Negeri Pulau Pinang 2024	2 Jun 24	Dewan Konvensyen SP Arena, Seberang Jaya	1,200
11.	Sharing Sezz Pulau Pinang 2024	17 Hingga 19 Mei 2024	Perkarangan Lotus's Seberang Jaya	540
12.	Majlis Perundingan Belia Peringkat Negeri Pulau Pinang	10 Ogos 2024	Bertam Waterpark Resort, Kepala Batas	102
<b>Jumlah Keseluruhan Peserta</b>				<b>2,239</b>

## PROGRAM KEMAHIRAN TEKNIKAL

Bil.	Program	Tarikh	Tempat	Jumlah Peserta
1.	Projek Reben Kuning	29 Julai Hingga 1 Ogos 2024	Penjara Seberang Perai, Jalan Krian Kedah, Sungai Jawi.	40
2	Klinik <i>Painball</i> Hari Belia Negara Pulau Pinang 2024	17 Hingga 19 Mei 2024	Perkarangan Lotus's Seberang Jaya	200
3	Klinik Servis Motosikal Hari Belia Negara Pulau Pinang 2024	17 Hingga 19 Mei 2024	Perkarangan Lotus's Seberang Jaya	210
4.	Klinik Barber Corner Hari Belia Negara Pulau Pinang 2024	17 Hingga 19 Mei 2024	Perkarangan Lotus's Seberang Jaya	520
5	Klinik Chanting Batik Hari Belia Negara Pulau Pinang 2024	17 Hingga 19 Mei 2024	Perkarangan Lotus's Seberang Jaya	150
6	Rakan Digital: Kursus Pengkodan	03 Ogos 2024	Pusat Teknologi Pengajaran Multimedia Universiti Sains Malaysia	45
7	Rakan Digital: Kursus Pengkodan	10 Ogos 2024	Pusat Teknologi Pengajaran Multimedia Univerisiti Sians Malaysia	45
8	Rakan Muzik: Rentak Seni	7 Oktober 2024	Bilik Muzik Smk Pondok Upeh	30
9	Rakan Muzik: Rentak Seni	11 Oktober 2024	Bilik Muzik Smk Pondok Upeh	30
10	Rakan Muzik: Rentak Seni	21 Oktober 2024	Bilik Muzik Smk Pondok Upeh	30

11.	Rakan Muzik: Rentak Seni (Siri 1)	27 September 2024	Muzium Galeri Tuanku Fauziah Usm Penang	30
12.	Rakan Muzik: Rentak Seni (Siri 2)	28 September 2024	Muzium Galeri Tuanku Fauziah Usm Penang	30
13.	Rakan Muzik: Rentak Seni (Siri 3)	29 September 2024	Muzium Galeri Tuanku Fauziah Usm Penang	30
14.	Rakan Muzik: Rentak Seni (Siri 1)	7 September 2024	Norli Studio Bertam	30
15.	Rakan Muzik: Rentak Seni (Siri 2)	8 September 2024	Norli Studio Bertam	30
16.	Rakan Muzik: Rentak Seni (Siri 3)	14 September 2024	Norli Studio Bertam	30
17.	Rakan Muzik: Rentak Seni (Siri 1)	08 November 2024	Institut Kemahiran Belia Tinggi Negara, Bukit Mertajam	30
18.	Rakan Muzik: Rentak Seni (Siri 2)	09 November 2024	Institut Kemahiran Belia Tinggi Negara, Bukit Mertajam	30
19.	Rakan Muzik: Rentak Seni (Siri 3)	10 November 2024	Institut Kemahiran Belia Tinggi Negara, Bukit Mertajam	30
20.	Rakan Muzik: Rentak Seni (Siri 1)	26 Ogos 2024	Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Aceh	30
21.	Rakan Muzik: Rentak Seni (Siri 2)	27 Ogos 2024	Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Aceh	30

22.	Rakan Muzik: Rentak Seni (Siri 3)	28 Ogos 2024	Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Acheh	30
23	Skill For Life: Parlimen Tanjung(Masakan)	26 Oktober 2024	Aras 1,Bangunan Mara Pengkalan Weld Pulau Pinang	22
24	Skill For Life: Bukit Bendera(Barista)	26 Oktober 2024	Cranberries Cafe, Giat Mara Bukit Bendera	20
25	Skill For Life: Parlimen Jelutong(Jahitan)	27 Oktober 2024	Dewan Umno Bahagian Jelutong	20
26	Skill For Life: Parlimen Bukit Gelugor (Napkin Art)	10 Oktober 2024	Kolej Vokasional Batu Lanchang	25
27	Skills For Life: Parlimen Permatang Pauh (Kursus Asas Penyelenggaraan Penghawa Dingin)	19 Oktober 2024	Kolej Komuniti Seberang Jaya	20
28	Skills For Life: Parlimen Batu Kawan (Kursus Facial & Eyelash Lifting)	26 Oktober 2024	Komleks Komuniti Desa Kampung Sekolah Juru	20
29	Skills For Life: Parlimen Bukit Mertajam (Kursus Jahitan Sulaman Riben)	09 November 2024	Kolej Komuniti Bukit Mertajam	21
30	Skills For Life: Parlimen Balik Pulau (Usahawan Gunting Rambut)	10 November 2024	Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Bayu, Teluk Kumbar	20
31	Skills For Life: Parlimen Bayan Baru (Usahawan Gunting Rambut)	17 November 2024	Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Maung	25

32.	Skill For Life: Parlimen Bagan (Baiki Telefon Pintar)	27 Oktober 2024	Bilik Seminar, Pusat Khidmat Parlimen Bagan	20
33.	Skill For Life: Parlimen Kepala Batas (Asas Make Up)	02 November 2024	Norli dan Aerobik Studio, Bertam	20
34.	Skill For Life: Parlimen Tasek Gelugor (Pastrri Dan Bakeri)	30 November 2024	Dewan Kariah Kampung Selamat Selatan, Tasek Gelugor	20
<b>Jumlah Keseluruhan Peserta</b>				<b>1,913</b>

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

23. Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi mengawal pencemaran udara, air dan bunyi terutamanya yang berpunca daripada aktiviti industri dan pembangunan pesat di kawasan Bertam?

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Bagi memastikan kawalan pencemaran dijalankan dengan berkesan di kawasan Bertam, Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap industri dan sistem kumbahan seperti operasi bersepadu bersama agensi berkaitan, siasatan segera terhadap aduan awam, rondaan berkala di kawasan berisiko serta pemeriksaan berjadual ke atas premis industri.

Dari segi pengawasan pula, pemantauan kualiti air sungai dilaksanakan melalui program *Environmental Quality Management Plan (EQMP)*, dan data yang diperoleh dilaporkan kepada pihak berkepentingan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar.

Selain itu, program pendidikan dan kesedaran turut dijalankan oleh JAS melalui kempen bersama pelbagai pihak bagi meningkatkan kefahaman masyarakat tentang kepentingan pemeliharaan alam sekitar.

Di samping itu, JAS Pulau Pinang turut membantu JAS Putrajaya dalam pelaksanaan Kajian Pembangunan *Total*

*Maximum Daily Load (TMDL)* Sungai Perai sebagai usaha memperkukuh pengurusan alam sekitar secara holistik.

Pada peringkat perancangan, kawalan dilaksanakan melalui pengawalseliaan projek-projek yang tertakluk kepada Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), penyediaan ulasan bertulis bagi Penilaian Awal Tapak (PAT), serta pemprosesan notifikasi alat kawalan pencemaran dan loji pengolahan efluen bagi memastikan pematuhan kepada piawaian yang ditetapkan.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

24. Nyatakan jumlah kemalangan dan kemalangan maut yang telah direkodkan di sepanjang Lebuh Bertam Perdana, Kepala Batas bagi tempoh tahun 2023 hingga September 2025.
- (a) Apakah langkah-langkah intervensi, pelan mitigasi serta tindakan penguatkuasaan yang telah dan akan diambil bagi mengatasi serta mencegah berulangnya insiden kemalangan di kawasan tersebut?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

24. Jumlah kemalangan dan kemalangan maut yang telah direkodkan di sepanjang Lebuh Bertam Perdana, Kepala Batas bagi tempoh tahun 2023 hingga September 2025 adalah seperti berikut:

<b>TAHUN</b>	<b>JUMLAH KEMALANGAN MAUT</b>	<b>JUMLAH KEMALANGAN</b>
<b>2023</b>	<b>0</b>	<b>16</b>
<b>2024</b>	<b>0</b>	<b>15</b>
<b>2025 (September)</b>	<b>3</b>	<b>14</b>
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>3</b>	<b>45</b>

- (a) Tindakan penguatkuasaan dengan menjalankan rondaan secara berkala, tindakan penguatkuasaan bagi pengguna yang melakukan kesalahan jalan raya serta bekerjasama dengan lain-lain agensi seperti Jabatan Pengangkutan

Jalan (JPJ) dalam memastikan pengguna jalan raya mematuhi peraturan jalan raya dan seterusnya dapat membantu mengurangkan kemalangan jalan raya di laluan tersebut.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

25. Senaraikan langkah-langkah yang telah dan akan diambil bagi menangani ancaman rumpai jenis keladi agas yang kini menjadi masalah utama kepada pesawah padi di kawasan Seberang Perai Utara khususnya di kawasan Pertubuhan Peladang Kawasan Lahar Bubu dan Pertubuhan Peladang Kawasan Penaga.

**YB FAHMI BIN ZAINOL**

**MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian (DOA) Negeri Pulau Pinang sentiasa komited dalam usaha menangani masalah infestasi rumpai keladi agas (*Monochoria vaginalis*) yang menjejaskan pengeluaran hasil padi negeri. Bagi tujuan ini, DOA Negeri Pulau Pinang telah menubuhkan Jawatankuasa *Task Force* Pembendungan, Penghapusan dan Kawalan Keladi Agas bermula pada Mei 2023 sebagai inisiatif utama untuk mencari solusi berkesan terhadap kemerebakan rumpai tersebut.

Pada tahun 2023, sejumlah RM900,000.00 telah dibelanjakan di bawah Program Pembangunan Tanaman Padi. Manakala bagi Musim 2/2023, peruntukan tambahan sebanyak RM400,000.00 digunakan bagi perolehan perkhidmatan kawalan keladi agas mengikut pakej teknologi Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) yang melibatkan dua (2) daerah utama pengeluaran padi dengan keluasan keseluruhan 74.4 hektar. Hasil pelaksanaan program ini menunjukkan impak yang positif apabila luas infestasi keladi agas berjaya dikurangkan sebanyak 64.15% pada Musim 1/2024.

Selain itu, bagi meningkatkan kesedaran dan kefahaman petani terhadap kepentingan kawalan awal rumpai, sebanyak 12 siri kempen dan taklimat kawalan rumpai, perosak dan penyakit telah dijalankan sepanjang tahun 2025. Bagi memperkukuh sistem amaran awal di lapangan, sebanyak enam (6) bendera kuning tanda amaran turut dinaikkan di lokasi bancian perosak dan penyakit di Daerah Seberang Perai Tengah (SPT) dan Daerah Seberang Perai Utara (SPU) sebagai isyarat kepada petani untuk melaksanakan tindakan kawalan segera.

Selain itu, petak demonstrasi penanaman mengikut kaedah *Rice Check* turut dilaksanakan di Daerah SPU pada Musim 2/2025 melibatkan keluasan empat (4) hektar bagi memberi panduan praktikal kepada petani dalam mengaplikasi amalan agronomi terbaik di peringkat ladang. Bagi menjamin hasil padi yang optimum, DOA Negeri Pulau Pinang sentiasa menekankan kepatuhan petani terhadap amalan *Rice Check* sebagai panduan penting dalam pengurusan tanaman padi secara menyeluruh. Pematuhan terhadap *Rice Check* membantu memastikan pertumbuhan padi yang sihat dan sekata, seterusnya meningkatkan produktiviti serta kualiti hasil. Dalam konteks kawalan keladi agas, pelaksanaan *Rice Check* amat relevan kerana ia menekankan aspek penyediaan infrastruktur, pengurusan tanah serta kawalan rumpai dan perosak secara bersepadu.

Melalui *Rice Check* 2, penekanan diberikan kepada keperluan memastikan infrastruktur sawah berada dalam keadaan baik, termasuk sistem pengairan, saluran serta struktur kawalan air yang berfungsi sempurna bagi mengelakkan air bertakung dan mengurangkan peluang pertumbuhan rumpai. Seterusnya, berdasarkan syor MARDI semasa *Rice Check* 3, tanah perlu dilakukan pembajakan sebanyak tiga (3) kali untuk membalikkan serta melumatkan tanah di samping penggunaan racun *Glufosinate Ammonium* (GA) atau *Glyphosate* bagi membunuh benih rumpai yang masih tertinggal.

Pada *Rice Check* 7 (Pengurusan Perosak Bersepadu), petani disarankan menggunakan racun pra-cambah seperti *Pretilachlor* selepas peringkat menabur iaitu pada hari 0 hingga hari 3 Hari Lepas Tabur (HLT). Seterusnya racun lepas tabur digunakan pada peringkat 14 hingga 21 HLT seperti *Bispyribac-sodium*,

*Pyrazosulfuron*, *Bentazon+MCPA* atau *Florpyrauxifen+Cyhalofop* bergantung kepada kesesuaian. Sekiranya kawalan masih tidak berkesan, racun rumpai daun lebar boleh digunakan sebelum 30 HLT, manakala selepas 40 HLT, kawalan manual disarankan bagi mengelakkan kesan negatif terhadap tanaman.

Selain amalan *Rice Check*, DOA Negeri Pulau Pinang turut melaksanakan pelbagai langkah kawalan dan pencegahan bersepadu di peringkat ladang, termasuk pembajakan dan pembalikan tanah, penggunaan racun pra-rawat (*pre-emergent herbicide*) seperti *bensulfuron-methyl* atau *penoxsulam*, serta kawalan manual dan mekanikal menggunakan *rotavator* dan *weeder*. Petani juga digalakkan menggunakan benih padi sah dan berkualiti tinggi, mengekalkan paras air sawah antara 5cm hingga 10cm, serta menanam pada jarak yang disyorkan bagi mengekang pertumbuhan rumpai daun lebar seperti keladi agas.

Dari sudut pengurusan strategik, pelaksanaan program kawalan mengikut pakej teknologi MARDI di dua (2) daerah utama pengeluaran padi telah menunjukkan keberkesanan berdasarkan pendekatan saintifik dan berasaskan data lapangan. Usaha ini disokong dengan pemantauan ladang secara berkala setiap dua (2) hingga tiga (3) minggu bagi mengenal pasti kawasan berisiko tinggi dan memastikan tindakan segera dapat diambil.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan pelbagai langkah teknikal, agronomi, dan strategik ini mencerminkan komitmen tinggi Kerajaan Negeri dalam memastikan rumpai keladi agas dapat dikawal secara berkesan, sekali gus meningkatkan hasil padi negeri secara mampan melalui pendekatan yang sistematik, saintifik dan kolaboratif bersama komuniti petani.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

26. Mohon Kerajaan Negeri nyatakan:

- (a) Status terkini pelaksanaan Tabung Dana Wakaf melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru di sekolah-sekolah seluruh negeri.
- (b) Jumlah sekolah yang telah menubuhkan tabung tersebut, jumlah kutipan semasa serta kaedah pengurusan dan penyaluran dana wakaf yang dilaksanakan bagi memastikan manfaatnya sampai terus kepada pembangunan pendidikan dan kebajikan murid.

**YB DATO' DR. MOHAMAD BIN ABDUL HAMID  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. (a) Tabung Wakaf Pendidikan Pulau Pinang (TWPPP) telah diwujudkan oleh Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sebagai pusat pengumpulan dana khusus bagi pembangunan sektor pendidikan di negeri ini. Buat masa ini, tabung tersebut tidak diwujudkan secara khusus melalui PIBG di sekolah- sekolah, sebaliknya dikendalikan secara langsung oleh Wakaf MAINPP sebagai inisiatif negeri di bawah Agenda Pembangunan Agama Islam Pulau Pinang 2030 (APAI2030). Pelaksanaan TWPPP kini berada pada fasa awal pengumpulan

dana, sebelum manfaatnya diperluas melalui pengembangan 'ain wakaf tersebut dan diagihkan kepada pelbagai sektor pendidikan di peringkat negeri. Wakaf MAINPP juga telah menjalin kerjasama dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) bagi menggalakkan penyertaan warga pendidik dan masyarakat dalam sumbangan wakaf tunai ke dalam tabung tersebut.

- (b) Menurut rekod Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang dan Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menyatakan sehingga kini, tiada tabung wakaf yang diwujudkan secara berasingan oleh pihak sekolah atau Persatuan Ibu Bapa & Guru (PIBG). Tabung Wakaf Pendidikan Pulau Pinang yang dilancarkan secara rasmi pada 17 Jun 2025 sempena Karnival Islami Masyarakat MADANI. Dana wakaf ini diurus, dikembang dan diagihkan kepada pelbagai institusi pendidikan bagi tujuan pembangunan fizikal dan insaniah. Sehingga September 2025, jumlah terkumpul melalui saluran tabung ini adalah sebanyak RM19,651.74. Perincian agihan Wakaf berkaitan pendidikan sehingga september 2025 adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Institusi/Sekolah/Penerima/ Manfaat Wakaf</b>	<b>Jumlah (RM)</b>	<b>Jenis Agihan</b>
1	Sekolah Kebangsaan Jalan Baru, Prai	5,000.00	Smart TV
2	Sekolah Kebangsaan Bukit Minyak	5,000.00	Smart TV
3	Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Al-Irshad	60,000.00	Naik taraf bilik mesyuarat
4	Sekolah Kebangsaan Seri Gemilang, Butterworth	2,789.00	Smart TV
5	Surau Sekolah Bukit Minyak	3,000.00	Penghawa Dingin

Jumlah keseluruhan agihan Wakaf MAINPP berkaitan sektor pendidikan bagi tahun 2025 setakat ini ialah RM75,789.00 menggunakan saluran dana Tabung Wakaf Pendidikan dan saluran dana Wakaf Am. Agihan ini membuktikan bahawa dana wakaf yang dikumpul mula dimanfaatkan untuk penambahbaikan kemudahan sekolah, pembangunan prasarana pembelajaran, dan penyediaan persekitaran pendidikan Islam yang lebih kondusif.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

27. Nyatakan projek-projek di bawah Program Rumah MutiaraKu (RMKu) yang sedang dalam pembinaan, bilangan unit mengikut kategori rumah dan tarikh jangka siap serta tarikh serah milikan kepada pembeli.
- (a) Huraikan secara terperinci proses penilaian dan tapisan pemohon RMKu.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Sebanyak 34,965 unit Rumah MutiaraKu (RMKu) yang masih dalam peringkat pembinaan. Kategori RMKu yang dalam peringkat pembinaan tersebut adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

<b>Jenis RMKu</b>	<b>Unit</b>
A	4,029
B	5,741
C	25,195
<b>JUMLAH</b>	<b>34,965</b>

**Jadual 1 : Jumlah unit RMKu mengikut kategori dalam peringkat pembinaan**

Tarikh jangkaan siap bagi projek yang masih dalam peringkat pembinaan adalah dalam tempoh tiga (3) tahun selepas tarikh permit mula kerja (COW) diperolehi. Manakala tarikh serahan

milikan kepada pembeli pula adalah tertakluk kepada Perjanjian Jual Beli (S&P) yang telah ditandatangani antara pembeli dan pemaju.

(a) Proses pemilihan dan penawaran unit RMKu kepada pembeli dilaksanakan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Prestasi dan Pencapaian Perumahan / *Housing Outcome Performance Committee* (HOPE) yang dipengerusikan oleh YB EXCO Perumahan dan Alam Sekitar. Mesyuarat HOPE tersebut bersidang hampir setiap bulan untuk memperakukan permohonan berdaftar dalam Sistem Maklumat Perumahan (SMP) mengikut senarai menunggu yang aktif. Senarai menunggu yang aktif tersebut adalah berdasarkan syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan seperti berikut:

- (i) Warganegara Malaysia;
- (ii) Berumur 21 tahun dan ke atas pada tarikh permohonan;
- (iii) Anak kelahiran Pulau Pinang atau bermastautin di Pulau Pinang;
- (iv) Pengundi berdaftar di Pulau Pinang;
- (v) Bekerja di Pulau Pinang;
- (vi) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM2,500.00 untuk RMKu A harga maksimum RM42,000.00;
- (vii) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM3,500.00 untuk RMKu B1 harga maksimum RM72,500.00;
- (viii) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM5,000.00 untuk RMKu B2 harga maksimum RM100,000.00;
- (ix) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM8,000.00 untuk RMKu C1 harga maksimum RM150,000.00;

- (x) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM10,00.00 untuk RMKu C2 harga maksimum RM200,000.00;
- (xi) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM12,000.00 untuk RMKu C3 harga maksimum RM300,000.00;
- (xii) Pendapatan suami dan isteri tidak melebihi RM15,000.00 untuk RMKu D harga maksimum RM400,000.00;
- (xiii) Bagi permohonan RMKu Jenis A, Jenis B1 dan B2, pemohon dan pasangan tidak mempunyai rekod memiliki rumah di mana-mana negeri di Malaysia; atau
- (xiv) Bagi permohonan RMKu Jenis C1, C2, C3 dan D, pemohon dan pasangan yang memiliki hanya satu (1) hartanah (harga belian hartanah sedia ada adalah kurang dari harga RMKu yang dimohon) adalah layak memohon.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

28. Apakah program-program keusahawanan yang telah dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri sepanjang tahun 2025 khususnya dalam kalangan belia dan wanita?
- (a) Senaraikan program-program keusahawanan yang dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2026 mengikut agensi penganjur dan sasaran peserta.

**YB DATO' RASHIDI BIN ZINOL  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui pelbagai agensi di bawah Portfolio Perdagangan, Pembangunan Keusahawanan dan Luar Bandar sentiasa komited memperkukuh ekosistem keusahawanan negeri dengan memberi tumpuan kepada pembangunan kapasiti, latihan, bimbingan serta jaringan pasaran bagi memperkasa usahawan tempatan, khususnya golongan belia dan wanita.

Bagi tahun 2025, pelbagai program dan inisiatif telah dilaksanakan oleh agensi-agensi Kerajaan Negeri seperti berikut:

**i. Penang Youth Development Corporation (PYDC)**

Menjalankan *Youth Entrepreneurship Challenge* (YEC) di peringkat daerah bagi menggalakkan penyertaan belia dalam bidang keusahawanan. PYDC turut melaksanakan Program Belia Aspirasi di Sekolah Tunas Bakti Telok Ayer

Tawar dan PUSPEN Bukit Mertajam yang memberi pendedahan kepada 131 belia mengenai peluang keusahawanan. Selain itu, Program Reben Kuning bersama Jabatan Belia dan Sukan Negeri melibatkan 20 peserta klien penjara yang diberi latihan keusahawanan digital dan pengurusan diri.

## **ii. Penang Women's Development Corporation (PWDC)**

Melaksanakan Program PenMentor dari Ogos hingga Oktober 2025 yang menumpukan kepada pembangunan dan pengukuhan kapasiti usahawan wanita mikro dan kecil. Seramai 92 peserta mengikuti latihan dalam bidang pemasaran digital, strategi perniagaan, pengurusan kewangan dan penjenamaan produk serta sesi bimbingan industri selama tiga bulan.

## **iii. Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC)**

Menjalankan sepuluh (10) program latihan keusahawanan sepanjang tahun 2025 dengan kerjasama pelbagai agensi seperti INSKEN, LHDN, PWDC, MDEC dan SIRIM. Antara program utama termasuk Seminar *Business Model Canvas* (BMC), Kursus E-Invois, Jom Mahir Akaun, *AI Business & Copywriting* dan Usahawan Wanita Bangkit.

## **iv. Penang Halal International Sdn. Bhd. (PHI)**

Menganjurkan pelbagai program termasuk Jelajah Taklimat Bimbingan Kecemerlangan Halal Negeri Pulau Pinang, *Bootcamp* Usahawan Bumiputera serta Penang Halal & *Heritage Carnival* (P2HC). PHI juga menyertai MIHAS@Shanghai bagi memperkukuh jaringan antarabangsa dan menggalakkan penyertaan usahawan halal Pulau Pinang di pasaran global.

## **v. Digital Penang**

Melaksanakan StartupPenang500, sebuah *Venture Building Investment Programme* yang menyokong pengasas teknologi universiti dan *startup* tempatan. Program ini menyediakan bimbingan, latihan dan akses pelabur bagi memperkukuh ekosistem *startup* di Pulau Pinang.

- (a) Bagi tahun 2026, Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan akan meneruskan pelbagai inisiatif keusahawanan bagi memperkukuh keberhasilan program sedia ada serta memperluas penyertaan usahawan tempatan. Fokus utama pelaksanaan program akan tertumpu kepada pembangunan kapasiti, pendigitalan perniagaan serta pengukuhan jaringan pasaran di peringkat negeri dan antarabangsa.

Antara program yang telah dirancang untuk dilaksanakan pada tahun 2026 adalah seperti berikut:

- (i) PYDC akan meneruskan usaha memperkasa belia dalam bidang keusahawanan melalui penganjuran *Youth Entrepreneurship Challenge* (YEC) di peringkat negeri sebagai kesinambungan kepada pelaksanaan peringkat daerah pada tahun sebelumnya;
- (ii) PWDC menumpukan pelaksanaan Program PenMentor 2026 dengan memberi penekanan terhadap aspek pengembangan pasaran dan pendigitalan perniagaan wanita. Pada masa yang sama, Program Wanita Jana Rezeki X JPWK diteruskan bagi memperkukuh kapasiti, kepimpinan dan keusahawanan wanita komuniti di peringkat akar umbi;
- (iii) PDC memfokus kepada program lanjutan ke arah pendigitalan perniagaan serta pembangunan infrastruktur keusahawanan, termasuk SME Halal @ PSPN dan Kompleks Dataran Usahawan Bandar Cassia bagi menyediakan ruang pertumbuhan yang kondusif kepada usahawan mikro dan kecil;
- (iv) PHI meneruskan pelaksanaan program utama industri halal negeri seperti Jelajah Taklimat Halal Negeri Pulau Pinang, *Bootcamp* Usahawan Bumiputera Pulau Pinang, *Penang Halal & Heritage Carnival* (P2HC) serta *Penang International Halal Expo* (PIHEX) yang menjadi platform pengukuhan ekosistem halal dan jaringan pasaran antarabangsa; dan

- (v) Digital Penang memperluas pelaksanaan inisiatif StartupPenang500 dan memperkukuh pembangunan ekosistem *startup* serta ekonomi digital negeri sejajar dengan hala tuju *Digital Economy Blueprint Pulau Pinang*.

**MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
14 NOVEMBER 2025**

**PERKARA : 4(A)(XXI)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BERTAM  
YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN**

29. Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP).
- (a) Perincikan cadangan pelarasan zon guna tanah melibatkan pertanian dan perumahan, termasuk kawasan pembangunan baharu atau pemuliharaan hijau.
  - (b) Apakah langkah Kerajaan Negeri untuk pastikan pelarasan ini tidak menjejaskan keselamatan makanan, kelestarian alam sekitar dan keseimbangan pembangunan bandar dan desa?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. (a) Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang (RSNPP) 2030 ini disediakan selaras dengan peruntukan di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [AKTA 172]. RSNPP 2030 merupakan dokumen perancangan fizikal utama yang menjadi rujukan dalam menentukan hala tuju pembangunan negeri secara menyeluruh. Dokumen ini menggariskan dasar-dasar pembangunan yang bersifat relevan, holistik dan komprehensif, selaras dengan aspirasi negeri ke arah pembangunan mampan dan berdaya huni. Melalui RSNPP 2030, Negeri Pulau Pinang telah dibahagikan kepada beberapa zon kesesuaian pembangunan bagi memastikan penggunaan tanah dan sumber dapat diurus secara optimum, seimbang dan mampan. Zon-zon ini dibentuk berdasarkan potensi pembangunan, kekangan fizikal serta sensitiviti alam

sekitar bagi mencapai keseimbangan antara keperluan sosioekonomi dan pemeliharaan sumber semula jadi.

Dalam konteks cadangan pelarasan zon guna tanah, RSNPP 2030 memberi tumpuan kepada aspek-aspek berikut:

(i) Zon Pertanian

Kawasan pertanian strategik dikekalkan di kawasan yang mempunyai potensi tinggi untuk aktiviti pertanian moden, pertanian bandar dan agropelancongan. Penekanan turut diberikan kepada peningkatan produktiviti tanah pertanian melalui amalan teknologi hijau dan pertanian pintar. Sebarang perubahan guna tanah bagi kawasan pertanian akan diteliti bagi mengelakkan sebarang impak negatif terhadap keselamatan makanan dan keseimbangan ekologi negeri.

(ii) Zon Perumahan

RSNPP 2030 menggalakkan pembangunan perumahan secara bersepadu dan mampan dengan penumpuan kepada kawasan yang mempunyai infrastruktur lengkap serta akses mudah kepada pengangkutan awam dan kemudahan asas. Pelarasan ini bertujuan untuk menyokong pertumbuhan bandar sedia ada serta menggalakkan konsep pembangunan berorientasikan transit (*transit-oriented development*).

(iii) Kawasan Pembangunan Baharu dan Pemuliharaan Hijau

Kawasan berpotensi tinggi yang mempunyai keupayaan infrastruktur sedia ada dan risiko alam sekitar yang rendah akan menjadi fokus bagi kawasan pembangunan baharu. RSNPP 2030 turut menekankan keperluan untuk mengekalkan kawasan sensitif alam sekitar seperti hutan simpan, cerun bukit, kawasan tadahan air dan rizab sungai dalam zon perlindungan. Pada masa yang sama,

pewujudan rangkaian hijau negeri (state green network) digalakkan bagi menghubungkan kawasan rekreasi, taman awam dan kawasan semula jadi sebagai koridor ekologi.

Secara keseluruhannya, pelarasan zon guna tanah yang digariskan dalam RSNPP 2030 bertujuan untuk memastikan pembangunan di Negeri Pulau Pinang dapat dilaksanakan secara teratur, bersepadu dan mampan bagi mencapai aspirasi negeri iaitu “Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara”.

- (b) Secara keseluruhannya, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengambil pendekatan yang holistik dan bersepadu dalam memastikan setiap pelarasan dasar pembangunan tidak menjejaskan keselamatan makanan, kelestarian alam sekitar serta keseimbangan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar. Antara pendekatan yang diambil adalah seperti berikut:

(i) Keselamatan Makanan

- 1) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah menetapkan sasaran sebanyak 23% hektar dari keluasan keseluruhan Negeri Pulau Pinang sebagai kawasan sumber makanan negara yang merangkumi pertanian, penternakan dan akuakultur.
- 2) Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah mengenal pasti kawasan guna tanah yang berpotensi sebagai pengeluaran makanan baharu. Langkah ini disusuli dengan pewujudan bank data guna tanah untuk pengeluaran makanan. Berdasarkan maklumat spatial jabatan dan agensi berkepentingan di peringkat Negeri Pulau Pinang, pemakluman kepada Pihak Berkuasa Negeri mengenai perkara ini akan dibuat sebanyak dua (2) kali setahun; dan

- 3) Kerajaan Negeri Pulau Pinang kini sedang melaksanakan dasar dan langkah yang terkandung dalam Pelan Induk Perancangan Guna Tanah Kawasan Sumber Makanan Negara (KAGUMN) yang telah disasarkan sehingga 2040.
- (ii) Kelestarian Alam Sekitar
- 1) Kerajaan Negeri Pulau Pinang komited dalam memastikan kelestarian alam sekitar dengan melaksanakan kawalan pembangunan yang melebihi 76 meter bersamaan 250 kaki sebagai kawasan berbukit dan kawasan alam semula jadi; dan
  - 2) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengambil kira faktor perlindungan kawasan sensitif alam sekitar bagi mengelakkan daripada berlakunya pembangunan tidak terkawal dengan mewartakan Hutan Simpan Kekal dan kawasan tadahan air.
- (iii) Keseimbangan Pembangunan Bandar dan Desa
- 1) Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa mengawal pembangunan di kawasan bandar sedia ada untuk mengelakkan daripada berlakunya kesesakan dan ketumpatan tinggi di samping 'membandarkan' kawasan kampung iaitu dengan menyediakan infrastruktur asas, kemudahan utiliti dan fasiliti setara dengan kawasan bandar.